



Rabu
9 September 2026
27 Rabiulawal 1448H

Utusan Borneo

PPK 220/12/2012 (031414)

Citra Generasi Prihatin



**Pembangunan Sabah perlu
seimbang di setiap daerah: KM**

2

**Penemuan penting spesies
baharu kulat di Sabah**

4

**Sedia air minum percuma
semua sekolah di Sabah**

8

**Rybakina atasi
Osaka 6-1, 6-4**

5

Email: utusanborneokk@gmail.com

SABAH TERUS PERJUANG MA63

Oleh Hamzah Sanudin

KUNAK: Kerajaan Sabah akan terus memperjuangkan tuntutan dan isu yang masih belum diselesaikan di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), termasuk tuntutan bayaran 40 peratus hasil bersih yang menjadi hak negeri itu.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, perkara berkenaan akan dibincangkan pada mesyuarat berkaitan MA63 yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Jumaat ini, dengan Sabah menjadi tuan rumah.

“Dalam mesyuarat itu kita akan bincangkan perkara-perkara yang menjadi tuntutan ataupun isu-isu yang masih perlu diselesaikan dalam Perjanjian MA63 kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke Kilang Pengekstrakan Phytonutrient Kunak Lipids Sdn Bhd, di sini, semalam.

Menurutnya, Kerajaan Sabah menghargai komitmen Perdana Menteri kerana sepanjang pentadbiran beliau, sembilan perkara di bawah MA63 telah diselesaikan termasuk penurunan beberapa kuasa berkaitan kepada Sabah.

“Dulu ada empat perkara, jadi kesemuanya 13 perkara telah diselesaikan. Bagaimanapun, masih ada perkara-perkara lain, termasuk pembayaran 40 peratus,” katanya.

Hajiji berkata, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan tuntutan bayaran 40



LAWATAN: Hajiji bersama pengurusan tertinggi Sawit Kinabalu menunjukkan SKT3 (Sawit Kinabalu Tocotrienols) ketika melawat Kilang Pengekstrakan Phytonutrient Kunak Lipids Sdn Bhd di Kunak.

● Termasuk tuntutan bayaran 40 peratus hasil bersih yang menjadi hak negeri ini, kata Hajiji

peratus berkenaan, namun masih terdapat beberapa isu teknikal yang perlu diselesaikan.

“Mereka telah setuju tetapi ada lagi masalah mungkin teknikal yang dibawa. Ini proses biasa sebab ada proses rayuan, tetapi ia tidak mengganggu keputusan untuk kita mendapatkan bayaran 40 peratus itu,” katanya.

Beliau berkata, perkara yang masih belum selesai akan dibawa semula untuk pertimbangan dalam mesyuarat atau rundingan MA63 seterusnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Hajiji menyambut baik kemajuan projek Kilang Pengekstrakan Phytonutrient Kunak Lipids Sdn Bhd yang

hampir siap dan dijangka mula mengeluarkan vitamin E sebelum hujung tahun ini.

Katanya, projek berkenaan merupakan perkembangan positif sebagai aktiviti dan perniagaan sampingan Kumpulan Sawit Kinabalu, dengan bahan berasaskan sawit digunakan dalam pengeluaran produk berkenaan.

“Saya amat berbesar hati mendengar taklimat tadi daripada Sawit Kinabalu dan syarikat bersama Sawit Kinabalu kerana kilang yang dibina untuk mengeluarkan vitamin E

ini telah hampir selesai dan akan mengeluarkan vitamin E sebelum hujung tahun.

“Ini satu perkembangan yang cukup baik sebagai aktiviti dan juga perniagaan sampingan Kumpulan Sawit Kinabalu. Semua ini dibuat daripada bahan-bahan sawit dan sebagainya,” katanya.

Hajiji berkata, projek itu dipercayai merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia dan diharap dapat meningkatkan hasil Kumpulan Sawit Kinabalu serta syarikat kerjasamanya.

“I think this is the first in Malaysia. Jadi ini satu perkembangan yang bagus.

Mudah-mudahan ia akan dapat menambah hasil sawit dan juga syarikat kerjasamanya,” katanya.

Terdahulu, ketibaan Hajiji dan rombongan di kilang berkenaan disambut Pengerusi Sawit Kinabalu, Datuk Haji Hazem Mubarak Tun Dr Musa dan Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sawit Kinabalu, Datuk Victor Ationg.

Kunak Lipids Sdn Bhd merupakan anak syarikat Kumpulan Sawit Kinabalu yang mengendalikan Kilang Pengekstrakan Phytonutrient di Kunak.

Komponen tembaga pencawang lesap, rugi RM25,000



CURI: Komponen tembaga bernilai kira-kira RM25,000 hilang di Bandar Mingo, di Beaufort.

Oleh Vivi Olivia Najurus

BEAUFORT: Komponen tembaga bernilai kira-kira RM25,000 di Pencawang Sabah Electricity Bandar Mingo, di sini, dilaporkan hilang dan dipercayai dicuri.

Kejadian disedari selepas pintu pencawang berkenaan ditemukan mempunyai kesan umpil.

Komponen membabitkan ‘busbar earthing’ dan sambungan ‘busbar’ dilaporkan hilang.

Ketua Polis Daerah Beaufort, Superintendan Champin Puih berkata, pihaknya menerima laporan berkaitan kejadian itu pada 6 September lalu.

“Kecurian komponen tembaga di pencawang SESB semakin kerap berlaku di daerah berkenaan.

“Perbuatan itu menyebabkan kerugian besar kepada syarikat terbabit dan turut berpotensi mengakibatkan gangguan bekalan elektrik

kepada pengguna,” katanya.

Beliau berkata, polis sedang giat menjalankan operasi bagi mengesan suspek yang terbabit dalam kejadian itu.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan kerana mencuri dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati terbabit.

Dalam pada itu, Champin mengingatkan pengusaha dan pembeli barangan lusuh supaya tidak menerima

atau membeli tembaga pada harga tidak munasabah.

Beliau berkata, mereka juga perlu mengelak daripada membeli barangan yang diperoleh daripada sumber meragukan.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian diminta menyalurkannya kepada pihak polis atau Sabah Energy Corporation Sdn Bhd (SEC).

“Maklumat itu bagi membantu siasatan,” katanya.

Waktu Solat

Imsak Subuh Zohor Asar Maghrib Isyak	
Pantai Barat (Kota Kinabalu)	
4:49 am 4:59 am 12:16 pm 3:16 pm 6:20 pm 7:30 pm	
Bandar Sandakan, Bukit Garam, Semawang, Tomanggong, Bukit Garam dan Kinabatangan (Zon I)	
4:42 am 4:52 am 12:08 pm 3:08 pm 6:13 pm 7:22 pm	
Sandakan (Barat) Terusan, Beluran, Kuamut, Paitan, Telupid, Tongod dan Pinangah (Zon II)	
4:46 am 4:56 am 12:12 pm 3:13 pm 6:16 pm 7:26 pm	
Tambisan, Sahabat, Tungku, Semporna, Silabukan, Lahad Datu dan Kunak (Zon III)	
4:40 am 4:50 am 12:06 pm 3:07 pm 6:10 pm 7:20 pm	
Tawau (Barat) Balong, Bandar Tawau, Pulau Sebatik, Merotai dan Kalabakan (Zon IV)	
4:44 am 4:54 am 12:09 pm 3:11 pm 6:13 pm 7:23 pm	
Kudat, Kota Marudu, Pitas, Pulau Banggi (Zon V)	
4:45 am 4:55 am 12:12 pm 3:15 pm 6:17 pm 7:27 pm	
Pensiangan, Nabawan, Sook, Sepulut, Tambunan, dan Keningau (Zon VIII)	
4:49 am 4:59 am 12:15 pm 3:15 pm 6:19 pm 7:29 pm	
Tenom, Long Pasia, Membakut, Beaufort, Kuala Penyu, Weston, Menumbok dan Sipitang (Zon IX)	
4:51 am 5:01 am 12:17 pm 3:18 pm 6:21 pm 7:31 pm	

ASEAN perlu teliti semula mekanisme untuk tangani jerebu rentas sempadan: Anwar

PUTRAJAYA: ASEAN perlu meneliti semula mekanisme sedia ada dalam menangani isu jerebu rentas sempadan bagi mengelakkan impak buruk terhadap kesihatan rakyat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata menteri-menteri ASEAN perlu memberi perhatian serius terhadap isu berkenaan memandangkan jerebu boleh memberi kesan langsung kepada kehidupan masyarakat, khususnya bayi dan kanak-kanak.

“Masih ada ruang untuk penambahbaikan. Saya berpendapat menteri-menteri ASEAN perlu melihat perkara ini dengan serius kerana ia menjejaskan kehidupan, khususnya kanak-kanak dan bayi. Jika kita lihat keadaan di Serian, ia sememangnya membimbangkan,” katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata demikian kepada media selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Bersama Warga Kementerian Perladangan dan Komoditi di sini semalam.

Kualiti udara di Serian, Sarawak dilaporkan kembali ke tahap bahaya apabila stesen pemantauan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) kawasan itu merekodkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) mencecah 302, pagi semalam.

Jumaat lepas, Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim mengisytiharkan darurat jerebu di seluruh bahagian Serian susulan pencemaran udara yang membahayakan kesihatan awam, sebelum pengisytiharan itu ditamatkan semalam.

▶ Lihat Muka 7

Sambutan HARI MALAYSIA 2026

16 SEPT.
2026

7.00
MALAM

BORNEO CONVENTION CENTRE KUCHING (BCKK),
KUCHING, SARAWAK.

#HKHM2026

#MalaysiaMADANI

#KesejahteraanDinikmati

#Merdeka360

merdeka360

Pembangunan Sabah perlu seimbang di setiap daerah: KM

Bagi pastikan masyarakat tempatan turut nikmati manfaat ekonomi

Oleh Hamzah Sanudin

SEMPORNA: Pembangunan Sabah perlu dipergiatkan di setiap daerah berdasarkan keperluan dan kekuatan masing-masing, bukan hanya tertumpu di Kota Kinabalu atau bandar-bandar besar.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, pembangunan komersial di Jalan Bubul, Semporna perlu dilihat sebagai sebahagian daripada perjalanan pembangunan negeri dan bukan sekadar projek komersial.

Katanya, Semporna mempunyai keistimewaan tersendiri serta aset semula jadi bernilai tinggi yang sudah dikenali di peringkat dunia, khususnya keindahan pulau, kejernihan air laut dan tarikan aktiviti menyelam.

“Semporna mempunyai aset semula jadi yang sangat bernilai. Namun, untuk memastikan potensi tersebut dapat diterjemahkan kepada manfaat ekonomi yang lebih besar kepada rakyat, kita memerlukan pembangunan yang saling melengkapi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran 106 Unit Kedai Dua Tingkat Fasa 1 dan Pecah Tanah Projek Komersial Fasa 2 dan 3 Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) Sabah di Jalan Bubul, di sini, semalam.

Hajiji berkata, sektor pelancongan perlu berkembang seiring dengan perniagaan tempatan bagi mewujudkan lebih banyak peluang kepada usahawan serta pekerjaan kepada anak muda Semporna.

Menurutnya, pendekatan itu penting bagi memastikan masyarakat tempatan turut



PECAH TANAH: Hajiji bersama pemimpin lain melaksanakan simbolik pecah tanah bagi projek berkenaan.

menikmati manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang berlaku di daerah berkenaan.

Beliau berkata, kedudukan strategik kawasan komersial Jalan Bubul di sepanjang laluan utama Balung-Semporna turut memberi potensi untuk kawasan berkenaan berkembang sebagai kawasan perdagangan dan perniagaan baharu.

“Saya percaya, jika dirancang dan dilaksanakan dengan baik, kawasan ini boleh menjadi salah satu pemangkin kepada perkembangan ekonomi di sekitar Semporna,” katanya.

Dalam pada itu, Hajiji mencadangkan supaya Ampe (Semporna) Sdn Bhd mempertimbangkan pembinaan sebuah jeti di kawasan pembangunan berkenaan berikutan kedudukannya yang berhampiran sungai dan laut.

Menurutnya, kemudahan itu bukan sahaja dapat memberi nilai tambah kepada kawasan komersial berkenaan, malah berpotensi menjadi ruang rekreasi kepada masyarakat dan pelancong.

“Jika ada jeti yang sesuai dan cantik, ia boleh memberikan nilai tambah dengan membolehkan orang ramai menikmati pemandangan sungai dan laut, bersantai, menikmati matahari terbenam serta mengambil gambar.

“Kita ingin memanfaatkan keindahan yang Allah sudah berikan kepada Semporna ini sebaik-baiknya,” katanya.

Hajiji berkata, 2026 menjadi permulaan fasa baharu pembangunan Sabah menerusi Hala Tuju Sabah Maju Jaya 2.0 (SMJ 2.0) bagi tempoh 2026 hingga 2030, sebagai kesinambungan usaha yang dilaksanakan melalui SMJ 1.0.

Katanya, SMJ 2.0 disusun bagi melonjakkan daya saing, produktiviti dan nilai ekonomi Sabah, selain memastikan pembangunan negeri kekal inklusif dan mampan.

“Kita mahu Sabah yang ekonominya lebih pelbagai, lebih banyak memberi peluang kepada rakyat dan kita mahu modal insan yang lebih bersedia menghadapi ekonomi masa hadapan.

“Dan kita mahu pembangunan yang akhirnya meningkatkan kesejahteraan rakyat,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan terus menyediakan persekitaran kondusif untuk pembangunan dengan memperkukuh infrastruktur, menambah baik penyampaian perkhidmatan serta menarik pelaburan yang bersesuaian.

Katanya, kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, agensi pelaksana, usahawan dan rakyat amat penting bagi memastikan pembangunan yang dirancang memberi manfaat secara menyeluruh.

“Kita tidak mahu Sabah hanya menjadi tempat pelaburan. Kita mahu anak Sabah menjadi sebahagian daripada pelaburan dan pertumbuhan itu,” katanya.

Hajiji berkata, kemajuan perlu dirasakan masyarakat di bandar dan luar bandar, termasuk usahawan besar dan kecil serta golongan muda dan generasi lebih berusia.

“Tidak ada daerah yang terlalu jauh dan tidak ada potensi yang harus kita biarkan begitu sahaja,” katanya.

Kerja pemuliharaan Dewan Masyarakat Kota Kinabalu dilaksana sewajarnya

Oleh Siti Aisyah Narudin

KOTA KINABALU: Usaha untuk memulihara Dewan Masyarakat Kota Kinabalu tidak pernah diabaikan oleh kerajaan negeri.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Jafry Ariffin berkata, kementerannya melalui Majlis Warisan Negeri Sabah dan Jabatan Muzium Sabah, bekerjasama rapat dengan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) selaku pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap bangunan berkenaan.

Katanya, langkah itu bagi memastikan kerja-kerja pemuliharaan dilaksanakan dengan sewajarnya serta mematuhi keperluan pemuliharaan warisan.

“Memandangkan Dewan Masyarakat berkenaan merupakan tapak warisan yang dilindungi, kerja pemuliharaannya tidak boleh dianggap sebagai kerja pembalikan bangunan biasa.

“Semua kerja perlu mema-



JAFRY

tuhi Enakmen Warisan Negeri Sabah 2017 serta prinsip-prinsip pemuliharaan yang bersesuaian bagi melindungi seni bina asal, keutuhan sejarah dan nilai warisannya,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, Jabatan Muzium Sabah turut menasihatkan pihak DBKK berhubung dokumentasi teknikal yang diperlukan, skop kerja serta kaedah pemuliharaan.

Menurutnya, kos projek berkenaan perlu ditentukan berdasarkan kepada keper-

luan pemuliharaan dewan terabit.

Selain itu katanya, DBKK kini dalam proses memohon peruntukan yang diperlukan bagi melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan berkenaan.

“Kerajaan negeri memahami kebimbangan orang ramai dan menghargai minat serta perhatian tinggi masyarakat dalam memastikan mercu tanda penting Kota Kinabalu ini terus dipelihara.

“Keutamaan kami bukan sekadar memperbaiki bangunan, tetapi memulihara dengan kaedah yang betul sambil mengekalkan sejarah, karakter dan nilai warisannya untuk generasi akan datang,” jelasnya.

Beliau berkata, kementerian akan terus bekerjasama rapat dengan Majlis Warisan Negeri Sabah, Jabatan Muzium Sabah dan DBKK bagi memudah cara proses-proses yang diperlukan serta memastikan usaha pemuliharaan ini dapat dilaksanakan secara bertanggungjawab.

Sistem lebuhraya perlu berkembang seiring peningkatan jumlah kenderaan: Nanta

KUALA LUMPUR: Lebuhraya perlu berkembang daripada sekadar infrastruktur fizikal kepada ekosistem mobiliti pintar yang lebih selamat, lancar dan cekap, seiring dengan peningkatan jumlah kenderaan setiap hari yang dianggarkan mencecah enam juta kenderaan di seluruh rangkaian lebuhraya.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya (KKR) komited mempercepat pelaksanaan Sistem Pengangkutan Pintar atau Intelligent Transport Systems

(ITS).

Beliau berkata pelaksanaan akan dipandu oleh Pelan Hala Tuju Sistem Pengangkutan Pintar Malaysia 2030 atau Malaysia ITS Roadmap 2030, yang merangkumi penggunaan kecerdasan buatan (AI), analitik data raya, Internet benda (IoT), pengurusan lorong dinamik, maklumat perjalanan masa nyata serta pusat pengurusan trafik bersepadu.

“Dalam hal ini, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan mengawal selia dan menyelaras pengoperasian lebuhraya bertol, manakala Jabatan Kerja Raya (JKR)

bertanggungjawab terhadap pembangunan, pengurusan dan penyelenggaraan jalan Persekutuan.

“Matlamat kita jelas bagi memastikan teknologi yang diterapkan memberikan manfaat nyata kepada rakyat, khususnya daripada aspek keselamatan, kelancaran dan kualiti perjalanan,” katanya ketika merasmikan Pusat Kawalan Trafik Kumpulan Tol IJM di sini, semalam.

Nanta berkata Pusat Pengurusan Trafik atau Traffic Management Centre (TMC) merupakan nadi pengurusan lebuhraya pintar dengan mengintegrasikan pema-

Lebih RM1 bilion tangani masalah bekalan air Sabah

Oleh Hamzah Sanudin

SEMPORNA: Kerajaan Sabah terus memprioritaskan usaha menangani masalah infrastruktur yang diwarisi daripada kerajaan terdahulu, termasuk isu bekalan air, elektrik dan jalan raya.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, lebih RM1 bilion kini dibelanjakan bagi melaksanakan pelbagai projek berkaitan bekalan air di seluruh negeri.

Katanya, beberapa projek berskala besar sedang dilaksanakan dan dijangka siap dalam tempoh terdekat, termasuk satu projek yang dijangka siap hujung tahun ini.

“Terdapat dua tiga projek besar yang akan siap tidak lama lagi. Satu daripadanya hujung tahun ini dan di sebelah Tawau pun progres lebih kurang 50 hingga 60 peratus.

“Kita ganti paip-paip air di kebanyakan daerah kerana banyak kebocoran, banyak kecurian dan sebagainya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran 106 Unit Kedai Dua Tingkat Fasa 1 serta Pecah Tanah Projek Komersial Fasa 2 dan 3 Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) di Jalan Bubul, di sini, semalam.

Hajiji berkata, masalah bekalan air bukan isu baharu yang hanya berlaku di bawah kerajaan semasa, sebaliknya merupakan masalah yang telah berlarutan sejak sekian



HAJIJI

lama dan perlu ditangani secara berterusan.

“Masalah air ini bukan datang waktu kerajaan ini, ia diwarisi dari dulu lagi. Jadi kita kena lakukan yang terbaik sebagai kerajaan yang bertanggungjawab.

“Betullah orang politik, air tiada, dia salahkan kerajaan kita. Tapi apa dia yang buat waktu dia berkuasa, tidak ada apa-apa.

“Yang penting kita positif saja, kita baik, kita laksanakan untuk kemudahan rakyat kita,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Hajiji berkata pelancaran 106 unit kedai dua tingkat yang dibangunkan LPPB, selain projek komersial Fasa 2 dan 3, dijangka merancakkan lagi kegiatan ekonomi di Semporna.

Menurutnya, pembangunan berkenaan penting dalam menyokong pertumbuhan Semporna sebagai destinasi pelancongan yang menerima kemasukan ramai pelawat.

“Saya merasmikan pelancaran projek LPPB, unit kedai yang telah siap 106 unit dan juga pelancaran fasa kedua dan ketiga, juga

unit kedai.

“Ini menunjukkan ia akan lebih merancakkan ekonomi di daerah Semporna ini.

“Semporna adalah daerah pelancongan di mana pelancong banyak datang ke sini dan saya yakin dengan terbinaanya kedai-kedai ini akan memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk membeli-belah ataupun datang untuk makan, minum dan sebagainya,” katanya.

Beliau berkata, perkembangan itu turut membuka ruang kepada penduduk tempatan dan kawasan sekitar untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi.

Hajiji berkata, berdasarkan maklumat diterima daripada pemaju, projek komersial berkenaan turut melibatkan pembinaan sebuah jeti yang akan dilaksanakan pihak berkenaan.

Katanya, usaha itu selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) yang menggalakkan penyertaan rakyat, pemaju dan sektor swasta dalam pembangunan negeri.

“Antara hala tuju kita dalam SMJ ialah peluang kepada semua rakyat, pemaju dan pihak swasta. Kita mempunyai dasar yang terbuka, ‘friendly investor’.

“Ini sahaja cara kita untuk maju ke hadapan.

“Kita gubal satu dasar yang memudahkan para pemaju dan juga pelabur daripada luar datang ke sini kerana kalau ada pelaburan dan aktiviti ekonomi, kita akan wujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat kita seluas-luasnya,” katanya.

Yayasan Sabah tawar rebat pinjaman pengajian sehingga 30 peratus

KOTA KINABALU: Yayasan Sabah sekali lagi memberi peluang kepada semua peminjam pinjaman pengajian Yayasan Sabah bagi menikmati insentif rebat menarik melalui Program Rebat Budi MADANI 2026 yang akan ditawarkan bermula 7 sehingga 27 September 2026.

Pengarah Yayasan Sabah, Dato’ Sri Dr. Gulamhaidar@YusofKhan Bahadar berkata, seperti mana pelaksanaan program Rebat MADANI sebelum ini, tujuan utama pelaksanaannya adalah bagi menghargai para peminjam yang komited dalam membuat pembayaran balik pinjaman pengajian serta memupuk budaya pembayaran yang mampan.

“Susulan sambutan yang amat memberangsangkan pada bulan Ogos 2026, Program Rebat Budi MADANI 2026 ini mengekalkan tawaran rebat yang menarik bagi menggalakkan lebih ramai peminjam menunaikan obligasi mereka untuk membuat pembayaran balik pinjaman pengajian justeru menyumbang kepada kelestarian dana tajaan pengajian Yayasan Sabah.

“Di bawah Program Rebat Budi MADANI 2026, tiga kategori rebat ditawarkan iaitu, rebat 30 peratus ditawarkan kepada peminjam kategori Aktif Bayar yakni mereka yang membuat pembayaran secara konsisten yang



GULAMHAIDAR

berhasrat untuk melunaskan keseluruhan baki pinjaman mereka,” katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Beliau berkata, rebat 25 peratus pula ditawarkan kepada peminjam yang tidak termasuk dalam kategori Aktif Bayar, yang berhasrat untuk melunaskan keseluruhan baki pinjaman mereka.

Manakala katanya, rebat 20 peratus ditawarkan kepada peminjam yang membuat pembayaran secara ansuran.

Menurutnya, pemberian kadar rebat yang tinggi dalam Program Rebat Budi MADANI 2026 ini adalah sebagai tanda penghargaan Kumpulan Yayasan Sabah kepada para peminjam yang aktif, konsisten dan dedikasi mereka mematuhi jadual pembayaran balik yang telah ditetapkan.

“Di samping itu, program Pengampunan Credit Tip-Off Service (CTOS) turut dilaksanakan bagi meringankan

bebanan peminjam yang sebelum ini perlu membayar jumlah tunggakan pinjaman yang besar untuk dikeluarkan dari senarai CTOS,” katanya.

Katanya, bagi memudahkan para peminjam untuk bertanya lebih lanjut dan memahami proses yang berkaitan program rebat dan pengampunan CTOS ini.

Menurutnya, Yayasan Sabah akan melaksanakan jelajah ke beberapa daerah di Sabah untuk berjumpa secara bersemuka dengan peminjam yang berminat menyertai program berkenaan.

“Maklumat terperinci mengenai tarikh dan lokasi jelajah ini akan dimaklumkan melalui media sosial dari semasa ke semasa.

“Sebagai alternatif, peminjam juga boleh mengunjungi Kaunter Pembayaran Balik Pinjaman Pengajian, Bahagian Pungutan Pinjaman Pengajian di Aras 26, Menara Tun Mustapha, Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah,” katanya.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai Program Rebat Budi Madani 2026 dan Pengampunan CTOS ini, boleh layari Facebook KYS-Kumpulan Yayasan Sabah, atau hubungi talian 011-33181088/014-3288868/016-8286125/010-9556977/010-2366967, atau emel ke alamat bayaranbalikpinjaman@ysnet.org.my.

Lelaki ditemukan tergantung dalam bilik

Oleh Vivi Oliviana Najurus

KOTA BELUD: Seorang lelaki tempatan berusia 23 tahun ditemukan dalam keadaan tergantung di dalam sebuah bilik di sebuah rumah tidak bernombor, di sini, pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Kota Belud, Superintendan Khairul Shah Peri berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu kira-kira jam 4.20 petang, 7 September.

“Siasatan awal mendapati mangsa ditemukan dalam keadaan berkenaan sebelum disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari Hospital Kota Belud. Mangsa kemudian dibawa ke Unit Forensik Hospital Kota Belud bagi menjalani bedah siasat,” katanya dalam kenyataan media di sini.

Menurutnya, siasatan awal tidak mengesan sebarang unsur jenayah setakat ini.

“Polis masih menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti punca kejadian. Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR),” katanya.

Sehubungan itu, Khairul Shah menasihati orang awam supaya tidak membuat sebarang spekulasi berkaitan kejadian yang boleh menjejaskan siasatan pihak berkuasa.

Katanya, mana-mana saksi yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian diminta tampil ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Belud.

“Saksi juga boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Frankie Pain di talian 019-2151132,” katanya.

Interpol Manchester bantu kesan keberadaan Yusoff Rawther di UK

Responden bersedia hadir pendengaran rayuan menerusi Zoom

PUTRAJAYA: Pihak pendakwaan dalam kes Muhammed Yusoff Rawther memaklumkan kepada Mahkamah Rayuan semalam bahawa Interpol Manchester sedang mengesan lokasi bekas pembantu penyelidik itu di United Kingdom (UK) bagi tujuan serahan notis rayuan.

Timbalan Pendakwa Raya Mohd Asnawi Abu Hanipah memaklumkan panel tiga hakim Mahkamah Rayuan bahawa notis permintaan dihantar pada 22 Julai lepas dan pihak Interpol juga telah meminta beberapa butiran tambahan.

“Pihak Interpol di Manchester sedang mengumpul maklumat mengenai keberadaan responden, namun sehingga kini keberadaan responden (Muhammed Yusoff) belum dapat disahkan atau percubaan untuk menyerahkan notis kepada responden buat masa ini (belum berjaya).”

“Oleh itu, mohon mahkamah menetapkan tarikh sebutan dalam masa dua bulan,” katanya pada prosiding di hadapan panel tiga hakim diketuai Datuk Azman Abdullah, Datuk Hayatul Akmal Abdul Aziz dan K. Muniandy.

Mohd Asnawi turut merujuk kepada keperluan menyerahkan notis rayuan secara

“Jika kita berikan keistimewaan pada kes ini (hadir secara Zoom), bagaimana dengan kes-kes lain? Kita perlukan kehadiran responden jika mahkamah memutuskan untuk responden membela diri atau sebagainya.”

Datuk Azman Abdullah
Hokim

fizikal kepada responden mengikut Seksyen 314 Kanun Tatacara Jenayah (CPC).

Pendakwaan merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang melepas dan membebaskan Muhammed Yusoff daripada pertuduhan mengedar dadah jenis kanabis dan memiliki dua pucuk pistol tiruan di akhir kes pendakwaan tanpa perlu dipanggil membela diri, tahun lepas.

Terdahulu, Mohd Asnawi berkata peguam responden memaklumkan bahawa anak guam mereka bersedia menghadiri pendengaran rayuan itu secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom.

Bagaimanapun, Hakim Azman menegaskan bahawa kehadiran responden secara fizikal adalah diperlukan memandangkan rayuan tersebut membatalkan prosiding kes

jenayah.

“Jika kita berikan keistimewaan pada kes ini (hadir secara Zoom), bagaimana dengan kes-kes lain? Kita perlukan kehadiran responden jika mahkamah memutuskan untuk responden membela diri atau sebagainya,” kata hakim itu.

Sementara itu, peguam Muhammad Rafique Rashid Ali yang mewakili Muhammed Yusoff berkata anak guamnya yang berada di UK sejak Jun tahun lepas bagi memohon suaka hak asasi manusia, bersedia meneruskan pendengaran rayuan menerusi Zoom.

Mahkamah kemudian menetapkan 4 Nov depan untuk sebutan kes.

Pada 12 Jun 2025, Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin membebaskan Muhammed Yusoff, 33, selepas

mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadapnya.

Mahkamah berpendapat pihak pendakwaan gagal membuktikan tertuduh mempunyai kawalan, jagaan dan pemilihan ke atas dua pucuk pistol serta dadah berkenaan berdasarkan keterangan saksi-saksi.

Muhammed Yusoff didakwa atas pertuduhan mengedar dadah jenis kanabis seberat 305 gram dalam kenderaan dinaikinya di hadapan surau Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur pada 10.15 pagi, 6 Sept 2024.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta sama, memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada 12 kali, jika sabit kesalahan.

Dia juga dituduh memiliki dua pucuk pistol tiruan di tepi jalan berhampiran sebuah kondominium di Jalan Bukit Kiara pada 9.25 pagi, tarikh yang sama, mengikut Seksyen 36(1) Akta Senjata 1960 yang membawa hukuman penjara maksimum satu tahun atau denda tidak melebihi RM5,000, atau keduanya jika sabit kesalahan. — Bernama



SELAMAT DITEMUKAN: Enam individu termasuk dua kanak-kanak yang dilaporkan hilang ketika menyertai Ekspedisi Trans Gerah di Gunung Gerah, Kelantan, selamat tiba di Jeti Trojan, Tasik Temenggor, Gerik semalam selepas dibawa keluar dari kawasan berkenaan. — Gambar Bernama

Enam pendaki dan pasukan SAR selamat keluar dari Pos Kemar pagi semalam

IPOH: Enam pendaki yang menyertai Ekspedisi Trans Gerah di Gunung Gerah, Kelantan dibawa keluar dengan selamat dari Pos Kemar, Gerik pada 8.30 pagi semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Perak Datuk Sayani Saidon berkata Wan Ahmad Aslam Wan Zairudin, 39, dan isteri Siti Zulaiha Norizan, 39, bersama-sama anak mereka, Diya Raisha, 13, dan Ahmad Raef, 9, serta dua malim gunung Shafiee Sidek, 49, dan Hazman Mamat, 43, tiba di

Jeti Trojan, Tasik Banding pada 10.20 pagi.

“Kesemua mangsa dan pasukan SAR tiba di Pos Kemar pada 9.15 malam tadi. Mangsa telah menjalani pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan di Klinik Kesihatan Pos Kemar dan berehat di fasiliti berkenaan.

“Mereka kemudiannya dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gerik untuk urusan dokumentasi dan tindakan selanjutnya,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini, enam mangsa itu dilaporkan hilang selepas mendaki gunung berkenaan pada 29 Ogos, dan dilaporkan gagal keluar dari hutan mengikut tarikh dijadualkan pada 3 September menyebabkan ahli keluarga membuat laporan polis pada Ahad.

Kesemua mereka ditemukan selamat oleh pasukan mencari dan menyelamat (SAR) kelmarin dan dibawa keluar dari Kem Kulim ke Kampung Lelar kira-kira 8.45 malam dalam keadaan baik tanpa sebarang kecederaan. — Bernama



SUMBANGAN: Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor Mohd Fared Mohd Khalid (dua, kiri) menyampaikan sumbangan kewangan kepada Muhammad Hamizi Hamdan, 37, dan Nur Wahyuni Harun, 36, iaitu ibu bapa kepada Nur Haira Wafiqah Muhammad Hamizi, 2, yang cedera diserang anjing liar, ketika melakukan lawatan di wad kanak-kanak Hospital Sultanah Aminah semalam. — Gambar Bernama

Anjing liar: Kerajaan Johor lancar operasi tangkapan besar-besaran di Batu Pahat

JOHOR BAHRU: Kerajaan Negeri Johor melaksanakan operasi besar-besaran bagi menangkap anjing liar susulan insiden seorang kanak-kanak perempuan diserang lima ekor haiwan itu di Kampung Tambak, Peserai, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor Mohd Fared Mohd Khalid berkata langkah bersepadu itu dilaksanakan bagi memastikan anjing berkenaan bebas daripada jangkitan rabies, sekali gus meredakan kebimbangan keluarga serta pasukan perubatan.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri Johor, kita mengarahkan operasi besar-besaran bagi menangkap anjing liar di kawasan tersebut, terutamanya bagi mengenal pasti kesemua anjing liar tersebut bebas daripada rabies bagi maksud keselamatan anak kita (mangsa) ini,” katanya pada sidang media di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini semalam.

Beliau berkata Pejabat Daerah Batu Pahat telah memulakan operasi tangkapan susulan sejak semalam dengan kerjasama Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Operasi susulan itu dibuat selepas tiga siri operasi MPBP bersama JPV pada 12, 26 dan 30 Ogos lepas yang berjaya menangkap 22 ekor anjing liar, namun populasi haiwan terabit dikesan masih tinggi di kawasan berkenaan.

Bagi memastikan keberkesanan operasi, Mohd Fared berkata agensi terlibat digesa agar tidak hanya bergantung pada kaedah sedia ada, sebaliknya mempelbagaikan pendekatan yang dibenarkan undang-undang.

Beliau berkata tindakan tegas itu turut akan diperluas ke seluruh daerah di negeri ini susulan arahan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor Datuk Mohd Jafni Md Shukor kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menyegerakan operasi kawalan haiwan liar.

Sementara itu, bagi mengurangkan beban keluarga mangsa, Mohd Fared berkata Kerajaan Negeri Johor memberi komitmen penuh untuk menanggung keseluruhan kos perubatan dan rawatan susulan mangsa di HSA selain menyediakan khidmat kaunseling kepada ahli keluarga terutamanya abang mangsa berusia 12 tahun yang menyaksikan kejadian berkenaan.

Mohd Fared berkata orang

ramai juga diminta agar memadam dan menghentikan sebarang gambar mangsa di media sosial demi menjaga privasi keluarga, selain memohon kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk menurunkan hantaran berkaitan.

Terdahulu, beliau meluahkan masa meniarahi mangsa, Nur Haira Wafiqah Mohammad Hamizi, 2, dan keluarganya, selain mendapatkan perkembangan rawatan kanak-kanak itu di HSA.

Pada Ahad lepas, media melaporkan kejadian menyayat hati itu yang menyaksikan mangsa diserang sekumpulan haiwan liar berkenaan sehingga mengalami kecederaan parah di beberapa bahagian badan.

Dalam pada itu, ibu mangsa, Nur Wahyuni Harun, 36, berkata abang kepada Nur Haira Wafiqah mengalami trauma emosi selepas menyaksikan kejadian itu dan kini diberi pelepasan sekolah dua minggu untuk menjalani rawatan kaunseling.

Berkongsi mengenai keadaan Nur Haira Wafiqah, beliau berkata anak bongsunya itu masih ditidurkan dan sudah menjalani pembedahan pertama bagi merawat kecederaan yang dialami dan kini masih dalam pemantauan doktor. — Bernama

Lelaki OKU mengaku tidak bersalah berlagak seperti wanita

KOTA BHARU: Seorang lelaki Orang Kurang Upaya (OKU) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Rendah Syariah di sini semalam atas pertuduhan berlagak seperti perempuan dengan memakai pakaian wanita, tahun lepas.

Pengakuan Khairul Izwan Sidi Ahmad, 25, yang mempunyai masalah pembelajaran direkodkan di hadapan Hakim Wan Mohd Firdaus W. Ibrahim.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu dengan memakai baju-T sendat, seluar dalam dan selipar wanita di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) di sini pada 2.35 petang 9 November 2025.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 19(1) Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Syarie Kelantan Syafika Mat Husin dengan dibantu Ezazrian Mat manakala lelaki itu diwakili peguam syarie Muhammad Syarafi Mohd Salleh dan Mohd Faqqhurudin Mohd Nasir.

Syafika mencadangkan jaminan sebanyak RM1,000 dengan seorang penjamin bagaimanapun Muhammad Syarafi memohon jumlah itu dikurangkan kepada RM500 atas faktor anak guamnya pemegang kad OKU dan membantu menanggung komitmen keluarga.

Mahkamah membenarkan jaminan RM1,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 1 Disember untuk sebutan semula kes. — Bernama

Polis akan merakam keterangan enam pendaki Ekspedisi Trans Gerah di Kelantan

BAGAN SERAI: Polis akan merakam keterangan enam individu yang menyertai Ekspedisi Trans Gerah di Gunung Gerah, Kelantan yang ditemukan selamat semalam selepas dilaporkan hilang ketika mendaki gunung itu pada 29 Ogos.

Ketua Polis Perak Datuk Mohd Alwi Zainal Abidin berkata kesemua mangsa akan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gerik bagi proses dokumentasi selepas dibawa keluar dari Pos Kemar.

“Kesemua mangsa akan dibenarkan pulang ke tempat masing-masing selepas proses dokumentasi berkenaan. Mereka juga dilaporkan berada dalam keadaan sihat,” katanya pada sidang

media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kerian di sini semalam.

Ditanya sama ada menjadi satu kesalahan pasangan suami itu membawa dua orang anak mereka melakukan aktiviti pendakian tersebut, Mohd Alwi berkata keempat-empat individu itu mempunyai permit yang sah.

“Sebenarnya, perkara itu (membawa anak mendaki) tidak menjadi satu isu sebab dalam permit itu memang dimasukkan butir-butir berkaitan dengan keluarga mereka,” katanya.

Terdahulu, Wan Ahmad Aslam Wan Zairudin, 39, dan isteri Siti Zulaiha Norizan, 39, serta anak Diya Raisha, 13, dan Ahmad Raef, 9, serta

dua malim gunung Shafiee Sidek, 49, dan Hazman Mamat, 43, telah dikesan selamat malam tadi sebelum dibawa menjalani pemeriksaan di Klinik Kesihatan Pos Kemar.

Pasukan mencari dan menyelamat (SAR) bersama kesemua mangsa telah keluar dari Pos Kemar 8.30 pagi tadi dan tiba di Jeti Trojan, Tasik Banding pada 10.20 pagi sebelum dibawa ke IPD Gerik.

Sebelum ini, enam mangsa itu dilaporkan hilang selepas mendaki gunung itu pada 29 Ogos. Mereka dilaporkan gagal keluar dari hutan mengikut tarikh dijadualkan, iaitu 3 September dan ahli keluarga membuat laporan polis pada Ahad. — Bernama

Kes fitnah GISBH: Pemilik akaun FB gagal menagguhkan pembayaran ganti rugi kepada Mufti Perlis

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini semalam menolak permohonan pemilik akaun Facebook untuk menagguhkan pembayaran ganti rugi RM250,000 kepada Mufti Perlis Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin berhubung kes saman fitnah berkaitan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH).

Pesuruhjaya Kehakiman Rihaida Rafie turut menolak permohonan Mohd Nawawi Abdul Razak, 39, selaku defendan untuk menagguhkan perintah memadam pernyataan fitnah dan perintah tegahan mengeluarkan pernyataan serupa di media sosial serta bayaran kos RM50,000.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan permohonan Mohd Nawawi untuk menagguhkan perintah permohonan maaf kepada plaintiff melalui akaun Facebook miliknya sehingga rayuan kes itu diputuskan di Mahkamah Rayuan.

Terdahulu, peguam Mahmud Abdul Jumaat yang mewakili Mohd Nawawi berkata jika penagguhan penghakiman tidak dibenarkan, ia akan memprejudiskan anak guamnya yang telah memfailkan rayuan terhadap keputusan itu di Mahkamah Rayuan pada 12 Ogos.

“Sekiranya rayuan dibenarkan kelak, permohonan maaf yang telah dibuat akan menjejaskan reputasi defendan. Berkaitan ganti rugi, anak guam saya tidak berkemampuan untuk membayar kerana mempunyai masalah kewangan selain telah memadam hantaran itu,” katanya.

Peguam Fatima Zulaikha Ahmad Bashri yang mewakili Mohd Asri membantah permohonan itu dengan berkata masalah kewangan bukan keadaan istimewa (special circumstances) untuk mahkamah membenarkan penagguhan penghakiman.

Pada 31 Julai, Rihaida membenarkan sebahagian

saman fitnah Mohd Asri selepas mendapati pernyataan pertama defendan adalah memfitnah namun plaintiff gagal membuktikan tiga pernyataan lain memenuhi elemen fitnah.

Sehubungan dengan itu, Rihaida memerintahkan Mohd Nawawi membayar ganti rugi RM250,000 secara global dan membayar faedah ke atas jumlah ganti rugi itu pada kadar lima peratus setahun dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh serta kos berjumlah RM50,000 kepada Mohd Asri.

Mahkamah juga membenarkan permohonan plaintiff agar defendan membuat permohonan maaf menerusi akaun Facebook dalam tempoh tujuh hari bermula tarikh penghakiman, memadam pernyataan fitnah di akaun media sosial itu selain defendan atau pkerjanya dihalang mengeluarkan pernyataan fitnah di akaun serupa. — Bernama

Penemuan penting spesies baharu kulat di Sabah

Ditemukan oleh penyelidik UMS di kawasan INFAPRO, sekali gus serlah potensi khazanah biodiversiti hutan dipulihkan

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencatat penemuan penting dalam penyelidikan biodiversiti apabila sekumpulan penyelidik berjaya mengenal pasti dan mendeskripsikan spesies baharu kulat entomopatogenik, *Akanthomyces infaproensis* sp. nov.

Ia ditemukan dari kawasan Projek Pemulihan Hutan Hujan INFAPRO berhampiran Kawasan Pemuliharaan Lembah Danum, Lahad Datu.

Penemuan itu turut memperlihatkan potensi kawasan hutan yang dipulihkan sebagai habitat penting kepada spesies biodiversiti yang belum diketahui secara saintifik.

Spesies berkenaan ditemui menjangkiti rama-rama dewasa yang melekat pada bahagian bawah daun di kawasan INFAPRO, dengan dua spesimen dikumpulkan pada 12 Mac 2024.

Kedua-dua spesimen menjalani penelitian morfologi serta analisis filogenetik molekul menggunakan lima penanda genetik, yang menunjukkan spesimen berkenaan membentuk garis keturunan tersendiri dan menyokong pengiktirafannya sebagai spesies baharu.

Nama *infaproensis* diberikan sempena Projek Rehabilitasi Hutan Hujan INFAPRO, iaitu lokasi spesies itu ditemukan.

Setakat ini, *Akanthomyces infaproensis* hanya diketahui terdapat di kawasan INFAPRO berhampiran Kawasan Pemuliharaan Lembah Danum.

Kajian itu diterbitkan dalam jurnal taksonomi antarabangsa *Phytotaxa* pada 28 Ogos 2026, melibatkan penyelidik UMS Muhammad Shahbaz, Chong Chuan Cheak dan Profesor Madya Dr Jaya Seelan Sathiyar Seelan, bersama Ibrahim Ghani Wasti dari Kolej Universiti Yayasan Sabah serta Dr Yap Sau Wai dari Yayasan Sabah.

Jaya Seelan berkata penemuan berkenaan menunjukkan nilai biodiversiti kawasan hutan yang melalui proses pemulihan perlu diberi perhatian.



ILMIAH: Pasukan penyelidik menjalankan kerja lapangan di kawasan Projek Restorasi Hutan Hujan INFAPRO, Lahad Datu.

“Penemuan ini membuktikan bahawa hutan yang dipulihkan seperti INFAPRO bukan sekadar kawasan yang sedang mendapatkan kembali fungsi ekologi, tetapi juga merupakan gudang biodiversiti yang masih menyimpan begitu banyak rahsia sains untuk diterokai,” katanya.

Beliau berkata genus *Akanthomyces* turut mempunyai kepentingan dalam bidang kawalan biologi kerana spesies dalam kumpulan itu berpotensi digunakan sebagai agen kawalan terhadap serangga perosak tanaman seperti kutu daun dan lalat putih.

Menurutnya, penemuan dan pengenalpastian strain tempatan secara tepat penting bagi membuka ruang kepada penyelidikan lanjut berkaitan pembangunan agen biokawalan yang lebih berseesuaian dengan persekitaran tempatan.

Dalam pada itu, Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) UMS Profesor Madya Dr Fiffy Hanisah Saikim berkata penemuan itu memperlihatkan kepentingan penyelidikan biodiversiti dalam menghasilkan pengetahuan yang bukan sahaja bernilai kepada bidang sains, malah berpo-



KULAT: Struktur synnemata *Akanthomyces infaproensis* yang bercabang berwarna kuning pucat, muncul daripada tubuh perumah rama-rama.

tensi menyumbang kepada pemuliharaan dan inovasi pada masa hadapan.

“Setiap spesies baharu yang kita temui adalah peringatan bahawa kita masih belum mengenali sepenuhnya kekayaan biodiversiti yang ada di Sabah, dan lebih penting penemuan ini ber-

laku di sebuah hutan yang dipulihkan.

“Ini memberikan mesej yang sangat kuat bahawa pelaburan dalam pemulihan ekosistem bukan sekadar memulihkan pokok dan landskap, tetapi mengembalikan ruang kehidupan, proses ekologi dan peluang untuk

biodiversiti berkembang semula,” katanya.

Tambah beliau penemuan itu turut selari dengan gagasan strategik The Brain of Borneo yang meletakkan kecemerlangan penyelidikan biodiversiti sebagai antara kekuatan strategik UMS.

“Sabah adalah sebuah mak-



SPESES BAHARU: Kulat *Akanthomyces infaproensis* tumbuh pada tubuh rama-rama dewasa yang melekat di bawah daun di kawasan Projek INFAPRO, Lahad Datu.

mal semula jadi bertaraf dunia, justeru itu tanggungjawab kita bukan hanya untuk mengetahui apa yang ada di dalamnya, tetapi untuk meneroka, mendokumentasi, memahami dan memastikan khazanah ini dipelihara untuk generasi akan datang.

“Melalui IBTP, UMS mahu terus menjadi peneraju ilmu biodiversiti Borneo, menghasilkan penemuan dari Borneo yang memberi impak kepada dunia,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj Mansor berkata penemuan tersebut signifikan kerana berlaku ketika IBTP meraikan ulang tahun ke-30 penubuhannya tahun ini, sekali gus mencerminkan sumbangan tiga dekad institut itu dalam penyelidikan dan pemuliharaan biodiversiti Borneo.

“Selama 30 tahun, IBTP telah memainkan peranan penting dalam meneroka, mendokumentasi dan memulihara khazanah biodiversiti Borneo.

“Penemuan *Akanthomyces infaproensis* membuktikan bahawa perjalanan ini terus menghasilkan ilmu baharu yang bukan sahaja penting kepada Sabah dan Malaysia, tetapi turut menyumbang kepada sains dunia.

“Untuk itu, UMS akan terus memperkuat perannya sebagai peneraju ilmu biodiversiti Borneo, membawa ilmu dari Borneo untuk dunia dan memastikan khazanah ini terus dipelihara untuk generasi akan datang,” ujar beliau.

Spesimen holotip *Akanthomyces infaproensis*, bernombor BORH(EF)00008, kini disimpan di Koleksi BORNEENSIS, IBTP UMS sebagai rujukan bagi penyelidikan taksonomi dan biodiversiti pada masa hadapan.

Kajian itu turut mencerminkan kerjasama penyelidikan antara UMS, Yayasan Sabah dan Kolej Universiti Yayasan Sabah dalam usaha meneroka serta mendokumentasikan biodiversiti Sabah.

Pembedahan usus tanpa luka besar

MINDA PENDIDIK

Oleh PROF MADYA DR MOHD FIRDAUS MOHD HAYATI & DR KHAIRUL HAZIM HAMDAN

PERKEMBANGAN dalam bidang perubatan, khususnya pembedahan, telah mengubah cara rawatan penyakit usus pada masa kini.

Jika suatu masa dahulu pembedahan usus hampir sinonim dengan luka besar di bahagian abdomen, kesakitan yang kuat, serta tempoh pemulihan yang panjang, keadaan itu kini mungkin dapat dielakkan.

Kemajuan teknologi dan kepakaran klinikal yang semakin berkembang telah memperkenalkan pendekatan yang lebih halus, dikenali sebagai

pembedahan invasif mini-

mal.

Dalam kalangan masyarakat, ia lebih dikenali sebagai pembedahan lubang kunci.

Menurut Prof Madya Dr Mohd Firdaus Mohd Hayati, Pakar Pembedahan Am dan Felo Pembedahan Kolorektal, Hospital Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sabah, kaedah ini pada asasnya melibatkan penggunaan peralatan khas dan kamera berdefinisi tinggi untuk membolehkan pakar bedah melihat struktur dalam abdomen tanpa perlu membuat bukaan besar.

Beberapa luka kecil, biasanya antara 0.5 hingga 1.2 sentimeter, sudah memadai untuk memasukkan kamera dan instrumen pembedahan ke dalam rongga abdomen.

Bahkan, ada juga di sesetengah tempat menggunakan luka yang hanya sebesar 0.3cm.

Melalui paparan skrin, pakar bedah dapat menjalankan prosedur dengan ketepatan yang tinggi.

Perubahan ini bukan sekadar soal saiz luka. Ia membawa kesan langsung kepada pengalaman pesakit.

Dengan luka yang kecil, kebarangkalian untuk mendapat jangkitan kuman pada luka adalah rendah.

Bahkan, kesakitan selepas pembedahan lazimnya lebih terkawal. Keperluan kepada ubat tahan sakit yang kuat juga berkurangan.

Pesakit boleh mula bergerak lebih awal, dan ini membantu mengurangkan risiko komplikasi seperti pembekuan darah atau jangkitan paru-paru.

Pada masa yang sama, tem-

poh kemasukan ke hospital menjadi lebih singkat berbanding pembedahan terbuka.

Selain itu, aspek kosmetik turut menjadi pertimbangan, terutama bagi pesakit muda.

Parut yang kecil dan kurang ketara memberi keyakinan yang lebih baik selepas sembuh.

Walaupun faktor ini bukan keutamaan utama dalam rawatan penyakit usus, ia tetap memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi pesakit.

Pembedahan invasif minimum kini digunakan untuk pelbagai jenis penyakit usus.

Antaranya termasuk pembedahan ketumbuhan atau kanser usus dan rektum, rawatan polip yang tidak sesuai dikeluarkan melalui kolonoskopi, penyakit radang usus seperti penyakit Crohn dan kolitis ulseratif, serta keadaan kecemasan seperti usus tersumbat.

Dalam bidang pembedahan kolorektal, teknik ini telah menjadi satu pilihan penting dalam rawatan moden.

Kejayaan pembedahan ini banyak bergantung kepada pengalaman dan latihan pakar bedah.

Teknik pembedahan laparoskopik memerlukan kemahiran khusus, termasuk koordinasi tangan dan mata yang baik serta keupayaan bekerja dalam ruang yang terhad.

Tidak semua hospital atau pusat perubatan mempunyai kemudahan dan kepakaran yang sama.

Oleh itu, pesakit disarankan mendapatkan rawatan di hospital yang mempunyai pengalaman dalam menjalankan

prosedur ini secara konsisten.

Menurut Dr Khairul Hazim Hamdan, Pakar Pembedahan Am dan Pembedahan Kolorektal, Hospital Selayang, selain kepakaran teknikal, penjagaan selepas pembedahan juga memainkan peranan penting dalam menentukan hasil rawatan yang baik.

Mutakhir ini, dengan adanya pelbagai penambahbaikan dalam proses penjagaan pesakit selepas pembedahan, kadar pemulihan pesakit juga lebih pantas dan lancar.

Pendekatan yang melibatkan penglibatan pakar dari pelbagai bidang berbeza seperti doktor bedah, doktor bius, pegawai nutrisi, farmasi, terapi fisio dan lain-lain memastikan setiap aspek perawatan pesakit diberikan tumpuan yang menyeluruh.

Sebelum pembedahan, pesakit akan diberikan penerangan yang jelas, tahap kesihatan pesakit akan dinilai dan sokongan pemakanan diberikan bagi memastikan pesakit berada dalam keadaan terbaik untuk menjalani pembedahan.

Penggunaan ubat-ubatan yang lebih sesuai, dipadankan dengan teknik pembedahan invasif minimum memastikan gangguan terhadap fungsi fisiologi tubuh badan pesakit adalah rendah.

Selepas pembedahan pula, pesakit digalakkan untuk mula minum, makan dan bergerak lebih awal berbanding dahulu.

Langkah-langkah ini membantu mengekalkan fungsi badan dan mempercepatkan proses pemulihan.

Ini membawa kepada pen-

gurangan komplikasi pembedahan, dan menjadikan tempoh kemasukan ke hospital lebih singkat.

Tambahan pula, pendekatan ini juga dapat mengurangkan kesakitan, loya, kelemahan otot dan risiko jangkitan atau pembekuan darah yang merupakan isu-isu penting ditangani semasa proses pemulihan dari pembedahan.

Pada masa kini, teknologi pembedahan terus berkembang. Kaedah pembedahan robotik merupakan antara pembaharuan terkini dalam bidang pembedahan invasif minimum.

Teknik ini membolehkan pembedahan yang rumit dijalankan dengan lebih jelas melalui visualisasi lebih jelas dan kawalan pergerakan yang lebih tepat, sekali gus mempercepat dan meningkatkan mutu penjagaan pesakit.

Sebagai kesimpulan, pembedahan usus tanpa luka besar merupakan satu kemajuan penting dalam bidang perubatan moden.

Ia menawarkan banyak kelebihan dari segi kesesuaian pesakit, tempoh pemulihan, dan kualiti hidup selepas rawatan.

Namun, penggunaannya perlu disesuaikan dengan keadaan setiap pesakit, dan kejayaannya bergantung kepada gabungan kepakaran klinikal, kemudahan hospital, serta kerjasama pesakit sendiri.

Dengan pendekatan yang tepat, kaedah ini mampu memberikan hasil rawatan yang selamat dan berkesan dalam pengurusan penyakit usus masa kini.



TERBAIK: Luka pembedahan laparoskopik.



TEKNOLOGI: Para doktor sedang melakukan pembedahan secara laparoskopik.

Rybakina atasi Osaka 6-1, 6-4

Perlawanan selama 66 minit, sekali gus tempah pertembungan suku akhir Terbuka AS menentang pemain China, Zheng Qinwen

NEW YORK: Pemain nombor dua dunia, Elena Rybakina menang selesa ke atas pemenang empat kali gelaran Grand Slam, Naomi Osaka 6-1, 6-4 pada Isnin untuk menempah pertembungan suku akhir Terbuka AS menentang pemain China, Zheng Qinwen.

Rybakina dari Kazakhstan, yang menambah kejuaraan Terbuka Australia kepada mahkota Wimbledon 2022 miliknya pada tahun ini, mara ke kelompok lapan terakhir Terbuka AS buat kali pertama dalam kariernya.

Pertemuan dengan pemenang pingat emas Sukan Olimpik 2024, Zheng akan membawa makna yang lebih besar.

Jika Rybakina mara ke peringkat separuh akhir, dia disahkan bakal merampas kedudukan Aryna Sabalenka di puncak ranking dunia, walaupun jika pemain Belarus itu memenangi gelaran Terbuka AS buat kali ketiga berturut-turut.

“Sudah tentu saya mahukannya,” kata Rybakina. “Saya tidak tahu sesiapa yang tidak mengimpikan perkara ini.”

Namun, dia menambah: “Saya cuba menggunakan pendekatan yang sama, berjuang hingga ke penghujung dalam perlawanan saya yang seterusnya, mari kita lihat apa yang akan berlaku.”

Rybakina hanya memerlukan 66 minit untuk menewaskan Osaka, melepaskan 29 pukulan kemenangan dan menyelamatkan satu-satunya break point yang dihadapinya.



SEMANGAT KESUKUKAN: Rybakina berjabat tangan dengan Osaka sejurus tamat perlawanan tenis perseorangan wanita pusingan keempat Terbuka AS di Pusat Tennis Billie Jean King, New York, kelmarin. — Gambar AFP

“Sudah tentu saya mahukannya. Saya tidak tahu sesiapa yang tidak mengimpikan perkara ini.”

Elena Rybakina

Pemain nombor dua dunia

Osaka, yang bergelut dengan kecederaan tendon Achilles kiri yang menjejaskan servisnya dan menyumbang kepada berderet kesilapan, menyelamatkan dua mata kemenangan sebelum Rybakina menamatkan perlawanan menerusi permainan servis

‘love’.

Rybakina kelihatan tidak terjejas dengan kecederaan tumit yang memaksanya menarik diri daripada pusingan suku akhir WTA Cincinnati dan menjejaskan persiapannya untuk saingan Terbuka itu.

“Ia merupakan perkembangan yang menakjubkan,” kata Rybakina. “Saya sangat gembira dengan perjalanan segala-galanya. Kami tidak tahu sama ada saya akan dapat beraksi atau tidak.”

“Saya mempunyai pasukan yang hebat, serta doktor yang baik yang sentiasa boleh dihubungi menerusi telefon pada bila-bila masa.”

“Saya tidak boleh katakan bahawa semua perlawanan adalah luar biasa, tetapi sudah tentu, hari ini adalah salah satu perlawanan terbaik yang pernah saya mainkan.” — AFP

Blockx tewaskan Cerundolo, mara ke suku akhir Terbuka AS

NEW YORK: Alexander Blockx menewaskan Francisco Cerundolo dalam empat set pada hari Isnin untuk muncul sebagai pemain lelaki Belgium pertama yang pernah mara ke suku akhir Terbuka AS.

Blockx, 21, yang merupakan pilihan ke-28 pada penampilan sulungnya di Flushing Meadows, berjaya mengatasi pilihan ke-24, Cerundolo dengan keputusan 6-3, 4-6, 7-5, 7-5.

Blockx, yang melakar kejutan ke atas pilihan kelima Flavio Cobolli pada pusingan ketiga, meneruskan rentak kemenangan itu dengan persembahan yang penuh keazaman di mana dia telah menerima “ubat ajaib” daripada doktor untuk mengatasi “sakit yang menyucuk pada rusuk saya”.

“Sejujurnya saya cuma

bertahan,” kata Blockx. “Walaupun saya memenangi set pertama itu 6-3, ia mungkin boleh berakhir sebaliknya.”

Kemenangan tersebut menandakan batu loncatan terbaharu buat Blockx, yang memulakan tahun ini di luar kelompok 100 teratas dan terpaksa melalui pusingan kelayakan untuk menyertai Terbuka Australia.

Selepas berkongsi kemenangan pada dua set pertama, kedudukan Blockx dan Cerundolo terikat pada 5-5 apabila pemain Belgium itu ketinggalan 0-40 pada servisnya.

Blockx bangkit semula menerusi servis dan pukulan yang padu, mengekalkan servisnya dan mematahkan servis Cerundolo pada permainan berikutnya untuk memenangi set ketiga.

Set keempat yang sengit menyaksikan kedua-dua pemain mengekalkan servis masing-masing sehinggalah Blockx meraih kemenangan pada permainan terakhir, merebahkan diri ke tanah dengan penuh kegembiraan apabila pukulan pemain Argentina itu terkeluar sasaran.

“Pagi ini saya melangkah ke gelanggang ini buat kali pertama untuk memanaskan badan dan ia berasa seperti tidak nyata, jadi untuk bermain perlawanan di sini dan memenangi perlawanan di sini adalah jauh lebih gila,” kata Blockx.

Blockx seterusnya akan berdepan pemenang di antara pemain tidak berstatus pilihan dari Rusia, Karen Khachanov dan pilihan ke-14 dari Amerika Syarikat, Learner Tien. — AFP



RAKAN SEJAWAT: Pengurus Coventry Frank Lampard berjabat tangan dengan Maresca (kanan) pada perlawanan Liga Perdana Inggeris di antara Manchester City dan Coventry City di Stadium Etihad di Manchester, baru-baru ini. — Gambar AFP

Untuk berada pada prestasi terbaik pada awal musim ‘bukanlah satu perkara yang mudah’: Maresca

PORTO: Pengurus Manchester City, Enzo Maresca pada Isnin berkata bahawa untuk berada pada prestasi terbaik pada awal musim “bukanlah satu perkara yang mudah” buat para pemain Piala Dunianya menjelang perlawanan pembukaan Liga Juara-Juara kelab itu di Porto.

“Saya rasa memang betul jika anda melihat pemain-pemain seperti ini mula berasa letih,” kata Maresca di Stadium Dragao menjelang perlawanan pada hari Selasa.

Maresca berkata demikian bagi memberi maklum balas terhadap kenyataan Erling Haaland yang dimuat naik di saluran YouTube penyerang itu pada awal hari berkenaan.

Pemain antarabangsa Norway itu telah menjaringkan tiga gol dalam tiga perlawanan liga tetapi tidak beraksi dalam perlawanan pemanasan badan, susulan kejayaan Norway mara ke peringkat suku akhir Piala Dunia.

“Musim baharu telah bermula dan saya tidak mempunyai pramusim langsung. Kebiasaannya saya akan mengharungi sedikit aksi pramusim tetapi kali ini, tiada langsung,” kata Haaland.

“Aspek fizikal akan datang dengan sendirinya jika anda berjaya kekal bebas daripada kecederaan, tetapi anda juga perlu tajam dari segi mental, dan itu bukanlah perkara yang mudah.

“Kami perlu mempunyai perasaan teruja untuk kembali beraksi tetapi kami tidak merasainya kerana tiada masa untuk benar-benar berehat daripada bola sepak berikutan terlalu banyak perlawanan dan musim juga menjadi lebih panjang.

“Saya bukannya mengeluh kerana ia masih satu perkara yang positif di mana anda dapat bermain bola sepak sepanjang tahun dan menampung kehidupan daripadanya.

“Tetapi kadangkala kami juga memerlukan rehat.

“Saya tidak pernah beraksi di Piala Dunia jadi saya tidak tahu bagaimana rasanya.”

Maresca bersimpati dengan situasi berkenaan.

“Ia bukanlah perkara yang mudah buat mereka, ia bukannya mudah buat Erling, dan ia bukannya mudah buat kebanyakan pemain yang terus beraksi untuk pasukan kebangsaan mereka,” kata jurulatih itu.

“Wajar untuk memberikan mereka sedikit rehat di mana yang boleh direhatkan dalam satu perlawanan atau diberikan cuti selama seminggu, bergantung kepada situasi semasa kami.

“Fokus dari hari ke hari membuatkan ia sangat rumit untuk memikirkan di mana kedudukan yang boleh kami capai pada bulan Februari, Mac atau April dari segi jangkaan.

“Perkara yang paling penting adalah untuk melihat bahawa kami bertambah baik dari satu perlawanan ke satu perlawanan.” — AFP

Arteta bangga dengan Arsenal, puji persembahan menentang Chelsea

LONDON: Mikel Arteta bangga dengan pemain Arsenal kendaliannya selepas mereka bangkit daripada ketinggalan satu gol untuk menewaskan Chelsea dalam Liga Perdana Inggeris semalam, menyifatkan perlawanan itu sebagai satu aksi yang amat dinikmatinya.

Chelsea membuka tirai jaringan seawal permainan tatkala The Blues membuktikan mengapa mereka tidak boleh dipandang remeh.

Arsenal sedar mereka perlu bertindak balas dengan pantas untuk mengelakkan lawan mereka daripada terus mengawal perlawanan.

The Gunners akhirnya melakar satu lagi kemenangan dalam perlawanan yang menyaksikan aksi berbalas serangan sepanjang sebahagian besar masa permainan, dengan kedua-dua pasukan secara konsisten berusaha melancarkan serangan dan

mencipta peluang.

Arsenal telah memenangi tiga perlawanan berturut-turut sebelum aksi ini, dan ramai yang menjangkakan mereka akan menang lagi, tetapi Chelsea memastikan ia bukanlah satu laluan yang mudah.

The Blues memiliki jentera serangan yang berbisa dan mempamerkan kualiti tersebut dengan menafikan satu lagi rekod bersih tanpa bolos buat Arsenal.

Walau bagaimanapun, The Gunners terus mengasak ke hadapan selepas ketinggalan dan akhirnya melengkapkan kebangkitan mereka.

Arsenal kini telah menyempurnakan tugas dalam perlawanan yang sukar dan akan berusaha untuk memanfaatkan keputusan ini dengan memenangi lebih banyak perlawanan.

Persembahan tersebut turut memberikan Arteta

banyak perkara untuk dipuji, terutamanya cara pemainnya bertindak balas selepas melepaskan gol pembukaan.

Pengurus Arsenal itu khususnya berpuas hati dengan corak perlawanan secara keseluruhannya. Walaupun kecewa dengan cara Chelsea menjaringkan gol, Arteta menghargai tindak balas daripada para pemainnya dan kualiti yang mereka pamerkan sepanjang perlawanan.

Arteta turut memuji persembahan individu dalam pasukannya, di samping menonjolkan ancaman yang dicipta oleh Arsenal ke atas Chelsea.

Pengurus itu merasakan suasana di dalam stadium menambah seri kepada aksi Liga Perdana Inggeris yang menghiburkan itu.

Bercakap kepada Premier League Productions selepas perlawanan, Arteta berkata: “Sangat kecewa

dengan cara kami melepaskan gol pertama dan kami telah membincangkannya tetapi pujian harus diberikan kepada mereka, dan penyudah yang dimiliki oleh Morgan.

Cara kami bertindak balas, ia perlawanan yang menakjubkan, dari mula hingga akhir, ia adalah satu kepuasan untuk melihat pasukan kami bermain dan bersaing, ancaman yang kami cipta, persembahan individu yang hebat juga, suasana di dalam stadium adalah sesuatu yang menakjubkan untuk disaksikan.”

Kemenangan tersebut memberikan The Gunners satu lagi keputusan penting, tatkala Arteta boleh berasa puas dengan karakter yang ditunjukkan oleh para pemainnya. Arsenal telah diuji oleh Chelsea, namun mereka memberikan tindak balas positif dan meraih satu lagi kemenangan. — AFP



KOMITED: Arteta memberi arahan kepada anak buah pada perlawanan Liga Perdana Inggeris di antara Arsenal dan Chelsea di Stadium Emirates, London, baru-baru ini. — Gambar AFP

Provokasi ketenteraan AS-China ancam keselamatan

Masiung menggesa Wisma Putra segera mengadakan rundingan diplomatik melibatkan AS, China dan Filipina

KOTA KINABALU: Provokasi ketenteraan yang kian memuncak antara Amerika Syarikat (AS) dan China di perairan Laut China Selatan boleh mengugat keselamatan rentas sempadan negeri ini.

Pengerusi Kelab Backbenchers Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, Datuk Masiung Banah, berkata aktiviti ketenteraan dua kuasa besar itu tidak boleh dipandang ringan.

Katanya, perkembangan berkenaan berpotensi mengancam kedaulatan negara, khususnya membabitkan

keselamatan Sabah dan Sarawak.

Beliau menggesa Wisma Putra segera mengadakan rundingan diplomatik melibatkan AS, China dan Filipina.

“Langkah itu penting bagi memastikan perairan Laut China Selatan kekal selamat untuk laluan perdagangan serantau.

“Saya juga bimbang terhadap pembangunan kemudahan dan aset ketenteraan di Pulau Balabac, selatan Filipina berikutan pulau berkenaan hanya sekitar 50 kilometer dari Pulau Banggi,

Sabah,” katanya.

Wakil rakyat Kuamut itu berkata, jarak berkenaan menjadikan sebarang perkembangan ketenteraan di kawasan itu perlu diberi perhatian serius.

“Memandangkan operasi ketenteraan berkenaan sangat hampir dengan Sabah, kerajaan Malaysia wajar mengambil perhatian serius dari sudut keselamatan rakyat.

“Terutama penduduk di kawasan pantai utara Sabah yang berdepan secara langsung dengan perkembangan di perairan berkenaan,” katanya.



MASIUNG

Masiung berkata, kehadiran sejumlah besar anggota tentera AS di Pulau Balabac berpotensi mencetuskan situ-

asi di luar jangkaan.

Katanya, perkara itu perlu dilihat dengan mengambil kira tuntutan Filipina terhadap Sabah.

“Faktor utama ialah kehadiran sejumlah besar tentera AS di Pulau Balabac berpotensi mencetuskan situasi di luar jangkaan.

“Harus diingat, sehingga kini Filipina masih menuntut kedaulatannya terhadap wilayah Sabah,” katanya.

Masiung berkata, aktiviti ketenteraan AS dan China di sekitar Borneo semakin meningkat.

Kedua-dua kuasa besar

itu juga terus memperkukuh keupayaan tentera dan aset pertahanan masing-masing.

Mengulas lanjut, beliau bimbang keadaan di pantai utara Sabah menjadi semakin tegang.

Beliau tidak menolak kemungkinan insiden kecil boleh berkembang menjadi ketegangan lebih serius.

Masiung berkata, Malaysia dan Filipina kini mengekalkan hubungan dua hala serta diplomatik yang baik.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia perlu sentiasa berwaspada terhadap sebarang kemungkinan di luar jang-

kaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, turut menyuarakan kebimbangan terhadap aktiviti ketenteraan AS di Pulau Balabac dan isu tuntutan Filipina terhadap Sabah.

Perkembangan di perairan Laut China Selatan kini turut menarik perhatian negara serantau.

Kedua-dua kuasa besar itu juga terus memperkukuh keupayaan tentera dan aset pertahanan masing-masing.

Mengulas lanjut, beliau bimbang keadaan di pantai utara Sabah menjadi semakin tegang.

Beliau tidak menolak kemungkinan insiden kecil boleh berkembang menjadi ketegangan lebih serius.

Masiung berkata, Malaysia dan Filipina kini mengekalkan hubungan dua hala serta diplomatik yang baik.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia perlu sentiasa berwaspada terhadap sebarang kemungkinan di luar jang-



BERBAKAT: Jurulatih Chin Zhong Lim bersama-sama dengan perenang yang menyertai pertandingan itu.

PAL cemerlang bawa pulang 10 emas, 5 perak dan 5 gangsa

LABUAN: Persatuan Akua-tik WP Labuan (PAL) mencatat pencapaian membanggakan apabila berjaya membawa pulang 10 pingat emas, lima perak dan lima gangsa di 6th Edition Under 12 Penampang Preppies Swimming Championship 2026 di Penampang baru-baru ini.

PAL yang diwakili tujuh perenang cilik berusia antara 9 hingga 12 tahun berjaya menunjukkan prestasi yang membanggakan sepanjang kejohanan berkenaan.

Paling mencuri perhatian ialah Chanelle Ezra Teo, 9, yang dinobatkan sebagai Best Girl selepas mempamerkan prestasi cemerlang dengan meraih tujuh pingat emas dan dua pingat perak.

Turut menyumbangkan pingat buat pasukan PAL ialah Nur Dhuha Rosmaini, 12, yang berjaya meraih dua emas dan dua gangsa, manakala Raisya Tihani Jonny Abdul Halim, 10, membawa pulang satu emas dan dua



TERBAIK: Chanelle Eza Teo dinobatkan sebagai Best Girls.

gangsa.

Sementara itu, Rafif Rizqa Rahmatdan, 9, berjaya menyumbangkan dua pingat perak dan satu gangsa.

Berdasarkan pencapaian yang memberangsangkan itu, Jurulatih PAL, Chin Zhong Lim, meluhurkan rasa sangat berpuas hati dengan prestasi keseluruhan anak didiknya.

Beliau turut memberikan perhatian khusus terhadap pencapaian Nur Dhuha dan Raisya, yang baru beberapa bulan menjalani latihan di bawah kendaliannya.

Kedua-dua perenang muda itu berjaya menyesuaikan diri dengan baik serta menunjukkan perkembangan positif dalam mengikuti program latihan yang diperkenalkan.

Selain itu, beliau turut berpuas hati dengan pencapaian Hazel Delaney Kaur, Langston Ting Kie Hoe dan Adam Kok Yong Kang, yang berjaya memperbaiki catatan masa peribadi (personal best) dalam kebanyakan acara yang disertai.

“Pencapaian ini membuktikan bahawa usaha, disiplin dan komitmen para perenang muda PAL, bersama bimbingan jurulatih, mampu menghasilkan prestasi yang membanggakan dan menjadi asas kukuh untuk perkembangan mereka dalam arena renang pada masa akan datang,” katanya.

Dua rumah musnah dalam kebakaran

Oleh Hamzah Sanudin

SIPITANG: Dua rumah musnah dalam kebakaran di Kampung Ranau-Ranau, di sini, pada Isnin.

Kebakaran membabitkan sebuah rumah separuh kekal dan sebuah lagi rumah tidak kekal yang masing-masing musnah kira-kira 95 peratus.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sipitang, Desmond Micky @ Dominic berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian pada jam 5.37 petang.

Katanya, seramai enam anggota bersama sebuah jentera Fire Rescue Tender (FRT) dan kenderaan utiliti digerakkan ke lokasi kejadian yang terletak kira-kira 11 kilometer dari balai.

“Pasukan bomba tiba pada jam 5.53 petang sebelum menjalankan operasi pemadaman menggunakan dua aliran sepanjang 61 meter dengan tiga pancutan.



MUSNAH: Dua rumah musnah dalam kebakaran di Kampung Ranau-Ranau, Sipitang.

“Api berjaya dikawal pada jam 6.20 petang dan tiada mangsa dilaporkan terbabit,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Desmond berkata, operasi ditamatkan sepenuhnya pada jam 7.45 malam selepas kerja pemadaman dan pemeriksaan dijalankan bagi memastikan

tiada lagi risiko kebakaran berulang.

“Punca kebakaran dan jumlah kerugian masih dalam siasatan,” katanya.



MAKLUMAT: Sesi perkongsian bersama alumni Fulbright.

The Fulbright Experience membuka peluang global kepada ahli akademik dan pelajar

KOTA KINABALU: Pengantaraan program The Fulbright Experience: A Fulbright Malaysia Sharing Session di Universiti Malaysia Sabah (UMS) membuka peluang global dan memberi pendedahan kepada peserta untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai biasiswa Fulbright, program fellowship, peluang penyelidikan serta pertukaran akademik di Amerika Syarikat.

Program anjuran Pusat Pengantarabangsa dan Penglibatan Global (CIGE) UMS bersama Malaysian-American Commission on Educational Exchange (MA-CEE) itu menghimpunkan kira-kira 100 peserta yang merupakan ahli akademik, guru sekolah menengah dan pelajar universiti.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata program tersebut menjadi platform kepada ahli akademik,

penyelidik, pendidik dan pelajar untuk mengembangkan pengalaman serta membina jaringan di peringkat antarabangsa.

“Pengalaman ini bukan sekadar satu peluang akademik, tetapi peluang untuk mengenali cara pemikiran berbeza, membina hubungan profesional dan pulang dengan idea yang boleh memberi manfaat kepada institusi serta komuniti masing-masing.

“Di UMS, kita mahu warga akademik berinteraksi dengan dunia secara yakin, sambil kekal mempunyai hubungan yang erat dengan Sabah dan komuniti tempat kita berkhidmat,” katanya dalam ucapan aluan sempena sesi perkongsian program berkenaan baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Profesor Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly.

Tambah Kasim, pendeda-

han antarabangsa akan menjadi lebih bermakna apabila ilmu, jaringan dan perspektif yang diperoleh dapat dibawa pulang serta dikongsi untuk memberi manfaat kepada masyarakat.

“Program seperti ini dapat membantu penyelidik, pendidik dan pelajar melakukan perkara tersebut, sekali gus membolehkan mereka menyumbang dengan lebih besar kepada Sabah dan Malaysia.

“Jika anda berminat, bertanyalah dan ketahuilah apakah peluang yang tersedia. Sesetengah permohonan boleh bermula dengan satu perbualan seperti yang kita adakan pada hari ini,” ujarnya.

Dalam pada itu, UMS turut memaklumkan bahawa universiti itu akan menjadi institusi tuan rumah kepada seorang Fulbright U.S. Scholar dan seorang Fulbright U.S. Student Researcher pada tahun hadapan.

Kedua-dua peserta berkenaan dijangka bekerjasama secara langsung dengan fakulti di UMS dalam pelaksanaan penyelidikan bersama, sekali gus memperkukuh hubungan pendidikan dan akademik antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

UMS juga sebelum ini mencatatkan penyertaan warganya dalam program pertukaran antarabangsa apabila Profesor Madya Datin Dr. Veronica Atin menamatkan program selama 10 bulan di Vanderbilt University menerusi Hubert H. Humphrey Fellowship Program.

Sesi perkongsian tersebut turut memberi peluang kepada peserta mendengar pengalaman alumni Fulbright, termasuk sebab mereka memohon, cabaran yang dihadapi serta pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh sepanjang mengikuti program berkenaan.



TERIMA KASIH: Presiden Persatuan Hak Asasi Rakyat Sabah, Lee Pun Yee (tengah) berterima kasih kepada Ketua Masyarakat Cina (KMC) Penampang, Kapitan Hee Kwok Hung (kiri) kerana meluahkan masa menziarahi seorang warga emas di Taman Penampang Kelmarin. Lawatan bertujuan membantu warga emas berkenaan, Loo Choon Tiam, menguruskan permohonan bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

ASEAN perlu teliti semula mekanisme tangani jerebu rentas sempadan: Anwar

► Dari Muka 1

Perdana Menteri menegaskan isu pembakaran terbuka di Indonesia perlu diteliti secara menyeluruh, termasuk mengenal pasti punca sebenar kebakaran sebelum sebarang tindakan diambil terhadap mana-mana pihak.

Ditanyasekiranya terdapat syarikat Malaysia yang beroperasi di republik itu melakukan kesalahan sehingga menyumbang kepada isu jerebu, Anwar berkata negara ini menghormati sebarang tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa Indonesia. “Kalau ada syarikat Malaysia yang terkesan (terlibat), kita beri ruang kepada Indonesia untuk mengambil tindakan.”

Kita tentunya akan menghormati tindakan di sana dan kita tidak akan mempertahankan (mereka),” katanya.

Beliau menegaskan Malaysia tidak akan campur tangan atau melindungi mana-mana syarikat sekiranya siasatan membuktikan mereka bertanggungjawab terhadap pembakaran terbuka atau pelanggaran undang-undang lain di negara jiran. Ahli Parlimen ASEAN untuk Hak Asasi Manusia (APHR) sebelum ini memberi amaran bahawa krisis jerebu rentas sempadan di rantau ini telah menjadi isu darurat hak asasi manusia yang perlu ditangani dengan segera oleh ASEAN dan negara-negara anggotanya.

APHR menggesa ASEAN dan negara anggotanya supaya mengangap isu jerebu rentas sempadan yang semakin buruk sebagai darurat hak asasi manusia, selain menggunakan Persidangan Pihak-Pihak kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas

as Sempadan yang akan berlangsung di Da Nang, Vietnam pada Oktober ini untuk menangani kelemahan penguatkuasaan menyebabkan rantau ini terus berdepan pencemaran udara toksik selama hampir tiga dekad.

Antaralain, APHR turut menggesa negara anggota ASEAN membangunkan kerangka perundangan serantau bagi memastikan entiti korporat dipertanggungjawabkan terhadap kebakaran hutan berpunca daripada penerangan tanah gambut, penebangan hutan didorong aktiviti komoditi serta pembakaran sisa pertanian.

APHR juga menggesa supaya semua syarikat perladangan yang mempunyai kawasan konsesi di landskap mudah terbakar, termasuk tanah gambut atau kawasan hutan, diwajibkan mendedahkan dan menerbitkan secara terbuka peta konsesi untuk dikongsi dengan semua negara anggota ASEAN bagi meningkatkan ketelusan dalam rantaian bekalan mereka.

Selain itu, APHR menggesa negara-negara anggota ASEAN menetapkan keperluan kebolehkesehatan pada setiap peringkat rantaian bekalan sektor agribisnis dan industri makanan bagi mengenal pasti asal-usul komoditi serta mengurangkan risiko penebangan hutan, pembakaran sisa tanaman dan jerebu rentas sempadan dari puncanya.

APHR juga berkata ASEAN perlu mencapai persetujuan mengenai petunjuk kualiti udara yang seragam untuk digunakan di semua negara anggota bagi memantau dan menjejaki pencemaran udara berdasarkan metodologi yang sama serta mengambil tindakan sewajarnya. — Bernama

PBLT SDN. BHD.
200501022368 (704498-D)
(Sebuah Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan)

NOTIS TENDER

**CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN
IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) NABAWAN
DAN PERUMAHAN DI ATAS SEBAHAGIAN
LOT PT20-23151328 DI MUKIM NABAWAN,
SABAH
FASA 2: KERJA BANGUNAN SERTA KERJA-
KERJA BERKAITAN**

Untuk butiran lanjut berkenaan Notis Tender di atas
sila layari laman sesawang PBLT Sdn. Bhd. di
www.pblt.com.my

**Utusan
Borneo**
DAILY NEWS

Sila Hubungi
Kota Kinabalu: 088 318811
Tawau: 089 777262
Sandakan: 089 274191
Lahad Daru: 089 883542
Labuan: 087 417285

- JAWATAN KOSONG
- PERKHIDMATAN
- PERDAGANGAN
- PERTANYAAN
- MELANGGAN

**NEGERI SABAH, MALAYSIA
DALAM MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH SANDAKAN
DI SANDAKAN**

**PERMOHONAN NO :
2607-L12-311-0482
DALAM PERKARA
PUSAKA SIMATI :
DG MASKUPH BINTI ADANAN**

**NOTIS PENYAMPAIAN
GANTI MENURUT PERINTAH
MAHKAMAH**

Kepada :
SEMUA AHLI WARIS SIMATI DAN
SESIAPA YANG BERKENAAN

AMBIL PERHATIAN bahawa DG
MAIMUNAH BINTI ADANAN telah
memohon kepada Mahkamah ini
pada 17 haribulan SEPTEMBER
tahun 2026 pukul 9.00 pagi untuk
membahagi harta pusaka simati
DG MASKUPH BINTI ADANAN
atas alasan dan cara pembahagian
yang terkandung dalam Affidavit bagi
permohonan membahagi harta
pusaka oleh DG MAIMUNAH BINTI
ADANAN

Harta Yang Dituntut:

TANAH, NT 023127433 LUAS
TANAH 1/8 BAHAGIAN DARIPADA
6.75 EKAR LOKASI DI GANTUA,
PAPAR

AMBIL PERHATIAN JAGA jika kamu
berhajat menentang permohonan
ini atau jika kamu mempunyai
keperluan ke atas harta-harta
simati, kamu atau Peguam Syarie
kamu bolehlah membuat semakan
di Mahkamah ini mengenai fakta-
fakta permohonan yang tersebut
dan bolehlah selepas itu memfailkan
di Mahkamah in dan menyampaikan
satu salinan kepada pemohon Notis
Bantahan dan Affidavit tidak boleh
daripada TIGA (3) hari selepas tarikh
permohonan ini didengar.

Pada : 06 haribulan OGOS tahun
2026

**PENOLONG PENDAFTAR
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
PAPAR**
NEGERI SABAH

Penyampaian Ganti ini difailkan
oleh Tetuan Norlilly & Associates,
Peguam Syarie Pemohon yang
beralamat untuk penyampaian di
Lot A207010, Tingkat 2, Blok A,
Wisma MUIS, 88100 Kota Kinabalu,
Sabah.
287464(KJKJOHH)

**Dalam Mahkamah
Rendah Syariah Sandakan
Di Sandakan**

**Kes No :
2608-L0412-311-1169**

Pemohon :
PRISCILLA BINTI
ALBERT @ NURFAEZZA
No. KP : 910709-12-6560

Dalam Perkara :
Harta Pusaka G1 Mati :
HELENAH BINTI SIGANUL
No. Sijil Kematiin :
680509125490 / SB 237028

Kepada :
Ahl waris dan sesiapa
berkenaan

AMBIL PERHATIAN bahawa
PRISCILLA BINTI ALBERT @
NURFAEZZA No. KP
910709126560 akan memohon
ke Mahkamah Rendah Syaria
di Sandakan pada 10 haribulan
09 tahun 2026 jam 09:00 pagi
untuk pembahagian harta
simati :-

1. KENDERAAN JENIS ISUZU
SMC 3569

2. BANK RAKYAT RM 6,363.05

Sesiapa berhajat menentang
permohonan, hendaklah
memfailkan Notis Bantahan
dan Affidavit Bantahan di
Mahkamah ini dan
menyampaikan salinan kepada
pemohon sebelum tarikh
tersebut atau hadir di
Mahkamah pada tarikh itu.

Pada 19 haribulan 08
tahun 2026

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syaria
Sandakan

Notis difailkan oleh :
PRISCILLA BINTI
ALBERT @ NURFAEZZA
ALBERT BINTI ABDULLAH
No.40, KAMPUNG SIBUGAL
BESAR SUNGAI BATANG
BT10, 90000 SANDAKAN
SABAH

**NEGERI SABAH, MALAYSIA
DALAM MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH SANDAKAN
DI SANDAKAN**

**TINDAKAN KES MALISIVIL NO :
2608-L0412-162-1153
TAHUN 2026**

**DALAM PERKARA :
UNTUTUAN FASAKH
(Seksyen 48, Enakmen Tatacara
Mal Mahkamah Syaria 2004)**

ANTARA

NURNINI HARIYANI
DINTIAKIMAD
NO. Kod Pengenalan :
961214 12 6032
- PLAINTIF

DENGAN

RUZAINI BIN AJAMSUL
NO. Kad Pengenalan/Passport :
950512-12-6905
- DEFENDAN

**NOTIS PENYAMPAIAN GANTI
MENURUT PERINTAH
MAHKAMAH**

Kepada :-
RUZAINI BIN AJAMSUL
BLOK 102 LRG 33 LOT 1480
TAMAN MAWAR BATU 5
JALAN SIBUGA
90000, SANDAKAN SABAH.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa
suaa tindakan telah dimulakan
terhadap kamu di Mahkamah ini
oleh panti yang mana menuntut /
memohon tuntutan faskah dan
bahawa telah diperintahkan
penyampaian saman kepada
kamu dilaksanakan melalui iklan
ini.

AMBIL PERHATIAN JAGA
bahawa jika kamu ingin membole
diri terhadap tuntutan tersebut,
kamu mestilah hadir sendiri atau
dewaki oleh Peguam Syarie di
Mahkamah ini pada 22HB
SEPTEMBER 2026 hari SRIASA
pukul 09.00 pagi. Jika kamu ingkar
hadir sedemikian penghakiman
boleh diberikan kepada kamu.

Hadir atau tidak hadir keputusan
akan di putuskan.

Bertarikh pada 26 haribulan
SEPTEMBER tahun 2026

**PENOLONG PENDAFTAR
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
SANDAKAN**

**Dalam Mahkamah
Rendah Syariah Sandakan
Di Sandakan**

Kes No: 2608-L0412-311-1198

Pemohon :
ASMAWATI HANDAYANI
BINTI JOHAN
No. KP : 020503-12-0046

Dalam Perkara :
Harta Pusaka Simati :
JOHAN BIN YAHYA
No. Sijil Kematiin :
680912-12-5861 / SB 258863

Kepada :
Ahl waris dan sesiapa
berkenaan

AMBIL PERHATIAN bahawa
ASMAWATI HANDAYANI BINTI
JOHAN No. KP 020503120046
akan memohon ke Mahkamah
Rendah Syaria di Sandakan
pada haribulan SEPTEMBER
tahun 2026 jam 09:00 pagi
untuk pembahagian harta
simati:-

1. WANG SIMPANAN (KWSP)
RM 62,454.34

2. SBLUAH KENDERAAN
TOYOTA AVANZA 1.3E
SS3069M

Sesiapa berhajat menentang
permohonan, hendaklah
memfailkan Notis Bantahan
dan Affidavit Bantahan di
Mahkamah ini dan
menyampaikan salinan kepada
pemohon sebelum tarikh
tersebut atau hadir di
Mahkamah pada tarikh itu.

Pada 21 haribulan 08
tahun 2026

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syaria
Sandakan

Notis difailkan oleh :
ASMAWATI HANDAYANI
BINTI JOHAN
Alamat penyampaian :
PEMBANGUNAN LADANG
HASSAN JALAN SUNGAI
MEMANJANG
90000 SANDAKAN SABAH

Dabra unggul minggu pertama Borneo Rising

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTA KINABALU: Peserta Dabra menduduki tempat pertama minggu pertama Borneo Rising dengan markah keseluruhan 78.95 peratus.

Kedudukan kedua disandang Petrova dengan 76.92 peratus.

Syukri pula di tempat ketiga dengan 72.28 peratus, diikuti Havard (71.36 peratus), Harris (67.66 peratus) dan Joy (66.91 peratus).

Dabra menarik perhatian barisan juri dan penonton menerusi persembahan lagu Wicked Game nyanyian Chris Isaak.

Persembahan berkenaan turut membolehkan Dabra dipilih sebagai pemenang Persembahan Paling Power sumbangan CelcomDigi.

Kemenangan itu melayakkan Dabra membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000.



PEMBUKAAN: Persembahan pembukaan minggu pertama Borneo Rising.

Sementara itu, Faris, Rizani dan Aadel berada di kedudukan tiga terbawah.

Ketiga-tiga peserta berkenaan mencatat markah keseluruhan rendah dalam minggu pertama pertandingan.

Bagaimanapun, barisan juri mengambil keputusan menyelamatkan Faris pada saat akhir.

Rizzani dan Aadel pula perlu menentukan nasib masing-masing pada minggu kedua.

Kedua-dua peserta akan berentap menerusi segmen battle pada awal episod minggu depan.

Episod baharu Borneo Rising boleh disaksikan setiap Ahad, jam 9 malam.

Program itu bersiaran menerusi Astro Ria (Saluran 104) dan TV Okey (Saluran 146).

Ia turut boleh ditonton menerusi On Demand, Astro GO, Sooka dan RTMKlik.

MUTIARA GRS serah sumbangan sempena Program Santunan Kasih

KOTA KINABALU: Isteri Ketua Menteri merangkap Yang Dipertua Pertubuhan Muafakat Titipan Amal Isteri Wakil Rakyat, Gabungan Rakyat Sabah (MUTIARA GRS), Datin Seri Panglima Juliah Salag menyampaikan sumbangan kepada Syukbah Hal Ehwal Wanita Masjid Bandaraya Kota Kinabalu

dan pesakit di bawah jagaan Care of Terminally iLL atau COTI di Tanjung Aru.

Penyerahan sumbangan itu adalah sebahagian daripada pengisian sempena Program Santunan Kasih Anjuran Biro Kebajikan MUTIARA GRS di sini semalam.

Menerusi program itu, MUTIARA GRS meny-

erahkan sumbangan kepada Syukbah Hal Ehwal Wanita Masjid Bandaraya Kota Kinabalu berupa cek bernilai RM3,000.

Selain itu, sumbangan berupa dua unit katil elektrik Hospital Bed dan dua unit 'Heavy Duty Reclining Wheelchair' turut disampaikan pada majlis itu.

MUTIARA GRS turut menyampaikan sumbangan berupa wang tunai dan bakul makanan serta keperluan lain iaitu lampin pakai buang dan susu kepada pesakit di bawah jagaan COTI di Tanjung Aru.

Turut hadir, Pengerusi Syukbah Hal Ehwal Wanita, Datuk Dr. Suzain Suhaimi.



SUMBANGAN: Juliah menyampaikan sumbangan kepada Suzain pada Program Santunan Kasih Mutiara GRS Sabah anjuran Biro Kebajikan Mutiara GRS sempena Bulan Kemerdekaan Tahun 2026.

MAJLIS PERASMIAN
TINJAUAN SAINTIFIK KAWASAN KONSERVASI
PESISIRAN PANTAI SILAM (SCCA)
&
EL HALA-TUJU: PENYELIDIKAN SCCA 2027-2036
8-10 SEPTEMBER 2026 | SHANGRI-LA TANJUNG ARU, KOTA KINABALU

SEMINAR: Kumpulan Yayasan Sabah menganjurkan Seminar Tinjauan Saintifik Kawasan Konservasi Pesisiran Pantai Silam (SCCA) dan Bengkel Hala Tuju Penyelidikan SCCA 2027-2036 di Kota Kinabalu, semalam. Seminar itu dirasmikan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Joniston Bangkui dan dihadiri lebih 80 orang peserta yang terdiri daripada institusi penyelidikan, agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Turut hadir, Pengarah Yayasan Sabah Datuk Ghulamhaidar Khan Bahadar. Gambar menunjukkan Ghulam (dua kiri) menyampaikan cenderahati kepada Joniston pada majlis itu.

Malaysia kaji potensi tenaga nuklear dalam campuran tenaga: Chang

GEORGE TOWN: Malaysia sedang mengkaji potensi tenaga nuklear dalam campuran tenaga pada masa hadapan dengan kerajaan turut melaksanakan kerja persediaan dalam pembangunan teknologi, bakat dan kawal selia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Chang Lih Kang bagaimanapun berkata persediaan itu tidak bermaksud kerajaan telah memutuskan untuk menggunakan tenaga nuklear sebagai

sumber kuasa.

“Sudah tentu kita sedang melakukan kerja persediaan. Ia tidak bermakna kita telah membuat keputusan tetapi kita perlu bersedia supaya kerangka kawal selia serta bakat sudah bersedia dan pada masa sama juga perlu memastikan industri juga bersedia.

“Tiga bidang di bawah portfolio Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkaitan usaha kesiapsiagaan tenaga

nuklear (pembangunan teknologi, bakat, dan kawal selia) manakala bidang lain akan dipertimbangkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA),” katanya.

Chang berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (ESTCON) 2026 edisi kesembilan di Penang Waterfront Convention Centre (PWCC) anjuran Universiti Teknologi PETRONAS

(UTP) di sini semalam.

Chang berkata peningkatan permintaan tenaga Malaysia yang didorong perkembangan sektor strategik seperti semikonduktor, pembuatan termaju, kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan dan pusat data skala mega memerlukan negara memperkukuhkan pelbagai pilihan bagi memenuhi keperluan tenaga jangka panjang.

Beliau berkata persediaan itu memerlukan lebih daripada sekadar penilaian

teknologi kerana Malaysia juga memerlukan keupayaan saintifik dan kejuruteraan yang kukuh, kerangka kawal selia dan keselamatan yang mantap, tenaga kerja sangat kompeten serta kesediaan industri domestik.

“Malaysia mesti memastikan pertumbuhan ekonomi dan teknologi disokong oleh sumber tenaga yang selamat, berpatutan dan semakin mampan selain juga perlu memperkukuh keupayaan dalam teknologi strategik

dan teknologi memunculkan termasuk AI, bahan termaju, angkasa lepas dan teknologi nuklear,” katanya.

Chang berkata usaha itu selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2030 yang menyediakan hala tuju strategik untuk memperkukuh keupayaan sains, teknologi dan inovasi (STI) Malaysia melalui penyelidikan dan pembangunan, bakat sedia masa depan, penerimaan teknologi dan inovasi.

Beliau berkata aspirasi

STI Malaysia juga diperluas ke peringkat serantau dengan kerjasama lebih erat ASEAN diperluaskan dalam bidang seperti ketersambungan tenaga, infrastruktur digital, penyelidikan dan teknologi memunculkan.

Kerjasama seperti itu, menurut Chang amat penting dalam memperkukuh daya tahan dan daya saing rantau ini di tengah-tengah perubahan teknologi yang pesat, cabaran iklim serta ketegangan geopolitik. — Bernama

Sedia air minum percuma semua sekolah di Sabah

Penyediaan kemudahan berkenaan penting bagi memastikan keperluan asas murid terjamin: James

Oleh Siti Aisyah Narudin

BELURAN: Kerajaan Negeri Sabah disaran mempertingkatkan penyediaan kemudahan air minuman bersih secara percuma di sekolah di seluruh negeri, khususnya bagi sekolah luar bandar dan kawasan pulau.

Menteri Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk James Ratib berkata, penyediaan kemudahan berkenaan penting bagi memastikan kebajikan serta keperluan asas murid terjamin sepanjang berada di sekolah, lebih-lebih lagi ketika cuaca panas.

Beliau berkata, cadangan itu turut mengambil kira keadaan sebahagian murid yang berdepan kekangan kewangan untuk membeli minuman di sekolah.

Menurutnya, ada masanya ibu bapa hanya memberi duit belanja sekitar RM3 untuk anak-anak membeli nasi lemak atau mi goreng di sekolah, dan ia tidak cukup

untuk membeli air minuman.

“Ada juga murid yang membawa air dari rumah, tetapi bekalan itu kadang-kadang tidak mencukupi,” katanya kepada media selepas mengadakan lawatan kerja dan meninjau tapak pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Balaban Jaya, di sini, pada Isnin.

James berkata, kemudahan air minuman bersih itu tidak seharusnya hanya disediakan di sekolah tertentu, sebaliknya wajar diperluaskan ke seluruh sekolah di Sabah.

Sehubungan itu, pihaknya meminta supaya perkara itu dilaksanakan di seluruh Sabah, melibatkan kira-kira 1,300 sekolah.

“Jika boleh, kita letakkan sekurang-kurangnya satu mesin air di setiap sekolah. Paling tidak, anak-anak kita mempunyai akses kepada air minuman dan bekalan air yang bersih, terutamanya mereka yang berada di kawasan pulau,” katanya.



MESRA: James (duduk) beramah mesra dengan murid selepas meninjau perkembangan projek pembangunan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Nangka Beluran pada Isnin.

Beliau berharap kerajaan negeri dapat mengambil inisiatif berhubung penyediaan kemudahan berkenaan, sementara menunggu perkara berkaitan diserahkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Selain itu, James turut meninjau perkembangan projek pembangunan di

Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Nangka serta pembinaan SMK Balaban Jaya di sini.

Menurutnya, di SK Sungai Nangka, projek pembinaan baharu blok bilik darjah modular Blok A dan C di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) sudah diluluskan dan kini dalam proses pelantikan kontraktor.

Tambahnya, kerja pembinaan dijangka bermula pertengahan September ini. Sementara itu, Projek Pengubahsuaian dan Naik Taraf Blok B (USNT) yang dikedalikan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Beluran sedang dilaksanakan dan dijangka siap awal November depan.

Beliau berkata, selepas kedua-dua projek berkenaan siap, kemudahan di SK Sungai Nangka akan digunakan bagi menempatkan murid SK Balaban Jaya pada sesi pagi, yang ketika ini beroperasi dari SK Pekan Beluran manakala, SMK Balaban Jaya pula akan menggunakan kemudahan berkenaan pada sesi petang.

James berkata, pengoperasian dua sesi itu membolehkan kemudahan sekolah dimanfaatkan secara optimum bagi memenuhi keperluan murid sekolah rendah dan menengah.

Beliau pada masa sama meminta KPM mempertim-

bangkan pembinaan kawasan parkir dan kuarters guru bagi membantu guru yang terpaksa menempuh perjalanan jauh untuk ke sekolah.

Mengenai pembinaan SMK Balaban Jaya, James berkata, projek itu mengalami kelewatan kira-kira 5.6 peratus, antaranya disebabkan isu pembangunan tanah pada peringkat awal pelaksanaan.

Bagaimanapun, katanya, kerja pembinaan masih berjalan dan projek berkenaan dijangka siap menjelang akhir 2027.

Pihaknya turut meminta KPM memastikan pembayaran kepada kontraktor dibuat mengikut jadual dan ketetapan yang ditetapkan bagi melancarkan kerja pembinaan serta mengelakkan kelewatan bayaran yang boleh menjejaskan kemajuan projek.

Pada masa sama, James memuji prestasi kontraktor yang dilihat baik dalam melaksanakan kerja pembinaan SMK Balaban Jaya.

Lelaki cedera jari tersepit mesin pengisar ikan di kilang

Oleh Hamzah Sanudin

SANDAKAN: Seorang lelaki cedera selepas jari tangan kanannya tersepit dalam mesin pengisar ikan di kilang memproses ikan di Batu 3, di sini, pada Isnin.

Dalam kejadian kira-kira jam 2 petang itu, mangsa berusia 26 tahun terpaksa menahan kesakitan sebelum pasukan bomba tiba untuk menjalankan operasi menyelamat.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sandakan, Jimmy Lagug berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian pada jam 2.11 petang.

Katanya, seramai lapan anggota bersama sebuah jentera Fire Rescue Tender (FRT) dan Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) digerakkan ke lokasi yang terletak kira-kira dua kilometer dari balai.

“Pasukan bomba tiba pada jam 2.14 petang dan menjalankan operasi menyelamatkan dengan melepaskan jari mangsa yang tersepit menggunakan peralatan khas.

“Mangsa mengalami kecederaan pada jari tangan kanan dan diberikan rawatan awal oleh pasukan bomba di lokasi,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Jimmy berkata, mangsa kemudian dibawa menggunakan ambulans Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ke Hospital Duchess of Kent untuk mendapatkan rawatan lanjut.

“Operasi ditamatkan sepenuhnya pada jam 3.25 petang selepas keadaan di lokasi kejadian disahkan terkawal,” katanya.

Yayasan Sabah perkukuh komitmen pendidikan, kesihatan bersama IJN

KOTA KINABALU: Sempena ulang tahun ke-60 penubuhannya, Kumpulan Yayasan Sabah terus memperkukuh komitmen terhadap pembangunan modal insan dan sektor kesihatan negeri menerusi penyerahan Tajaan Biasiswa Khas Kerjasama Kumpulan Yayasan Sabah dan Institut Jantung Negara (IJN).

Program penyerahan tajaan kepada kumpulan pertama seramai 10 penerima ini disempurnakan oleh Pengarah Yayasan Sabah, Dato’ Sri Dr. Haji Gulamhaidar @ Yusof Khan Bahadar, di Menara Tun Mustapha baru-baru ini.

Penerimaan kumpulan pertama itu merupakan hasil kerjasama strategik antara Kumpulan Yayasan Sabah, IJN, dan IJN University College (IJNUC).

Ia berasaskan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai pada 6 April 2026.

Inisiatif ini bertujuan memperkemas dan memanfaatkan penyediaan tenaga kerja kesihatan pakar bagi keperluan masa hadapan negeri Sabah.

Inisiatif tajaan bagi mengikuti pengajian di IJNUC ini selari dengan visi Kerajaan Negeri Sabah menerusi

Kumpulan Yayasan Sabah untuk melahirkan lebih ramai profesional tempatan dalam bidang perubatan dan sains kesihatan.

Sepanjang enam dekad berkhidmat, Yayasan Sabah kekal berdedikasi meluas dan memperkasakan peluang pendidikan bagi anak-anak Sabah.

Turut hadir pada majlis tersebut Setiausaha Korporat Yayasan Sabah, Haji Hanafiah Diman dan Pengurus Kumpulan Kanan, Bahagian Akaun dan Perkhidmatan Kewangan (YS/ICSB), Datuk Joshua Ho.



PENDIDIKAN: Gulamhaidar (lima kanan) menyampaikan surat tawaran tajaan biasiswa khas kepada seorang penerima pada majlis itu.



MENCEMARKAN: Anjing berkeliaran dalam sebuah restoran di Pekan Keningau.

Anjing berkeliaran mengganggu ketenteraman di Pekan Keningau

KENINGAU: Persatuan Kebajikan Masyarakat Bingkor (PKMB) menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi berkaitan mengambil tindakan sewajarnya terhadap masalah anjing berkeliaran bebas di sekitar Pekan Keningau, termasuk memasuki restoran dan kedai makan.

Pengerusinya, Yazid Mohd. Hasnan Tawik @ Charles, berkata masalah berkenaan sudah berlaku sejak sekian lama sehingga menimbulkan rasa kurang selesa dalam kalangan pengusaha dan pelanggan premis makanan.

“Kita memahami bahawa haiwan juga mempunyai hak untuk dilindungi, namun pada masa sama aspek keselamatan, kebersihan dan keselesaan orang awam tidak boleh dipandang ringan,” katanya.

Beliau berkata, terdapat pengusaha restoran dan kedai kopi terpaksa menghalau anjing yang memasuki premis masing-masing, namun keadaan itu hanya bersifat sementara apabila haiwan berkenaan kembali semula.

Katanya, kehadiran anjing berkeliaran bukan sahaja mengganggu pelanggan, malah boleh menimbulkan kekecewaan terhadap kebersihan premis makanan, keselamatan kanak-kanak dan orang awam, selain risiko kejadian tidak diinginkan sekiranya terdapat anjing agresif atau tidak diketahui status pemilikan.

“Pekan Keningau merupakan pusat tumpuan masyarakat dan antara kawasan penting bagi aktiviti ekonomi serta perniagaan. Oleh itu, kebersihan, keselamatan dan keceriaan pekan perlu sentiasa diberi perhatian,” katanya.

Sehubungan itu, PKMB berharap PBT, Ahli Majlis Daerah Keningau dan agensi berkaitan dapat turun padang menilai keadaan sebenar serta mengambil tindakan mengikut peraturan dan undang-undang berkuat kuasa, termasuk mengenalpasti pemilik anjing, menjalankan operasi pengurusan anjing berkeliaran secara berkala serta menyediakan saluran aduan yang lebih berkesan. *

Sektor pertanian kekal penting dalam era AI

KOTA KINABALU: Sektor pertanian, pengeluaran makanan dan keselamatan makanan dijangka memainkan peranan semakin penting pada masa hadapan meskipun kemajuan pesat kecerdasan buatan (AI) dan teknologi dijangka menggantikan banyak pekerjaan tradisional melalui automasi dan teknologi pintar.

Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Malaysia-China (MCCC) Sabah, Kapitan Dr. Callee Tan Kai Lee berkata, makanan akan sentiasa kekal sebagai keperluan asas untuk kelangsungan hidup manusia dan sektor berkenaan tidak akan menjadi usang.

Menurutnya, pertambahan populasi dunia, perubahan iklim, gangguan rantaian bekalan serta perubahan landskap antarabangsa menjadikan keselamatan makanan bukan lagi isu pertanian semata-mata, sebaliknya perkara strategik

yang berkait rapat dengan pembangunan ekonomi negara, kestabilan sosial dan kelangsungan hidup rakyat.

Beliau menegaskan bahawa walaupun AI mampu menggantikan sebahagian bentuk tenaga kerja dan meningkatkan produktiviti, ia tidak dapat menggantikan keperluan asas manusia terhadap makanan.

“Oleh itu, sektor pertanian terus menawarkan potensi pertumbuhan besar, khususnya apabila teknologi, AI, data raya, automasi dan pengurusan pintar semakin diintegrasikan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyertai program penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026.

Katanya, pertanian tradisional yang dahulunya bergantung kepada cuaca dan keadaan semula jadi kini bergerak ke arah model yang lebih tepat, cekap dan mampan.

“Pertanian moden hari ini amat berbeza. Ia boleh menggabungkan penyelidikan dan pembangunan, analisis data, peralatan automatik, pengairan pintar, akuakultur berteknologi serta logistik moden untuk membentuk rantaian industri lengkap dan bernilai tinggi,” katanya.

Beliau berkata Malaysia dikurniakan sumber pertanian yang melimpah, manakala Sabah mempunyai kelebihan dari segi tanah, iklim, biodiversiti dan hasil tropika, sekali gus berpotensi besar dalam durian, buah-buahan tropika, akuakultur dan pemprosesan makanan.

Selain penanaman, Sabah boleh membangunkan pemprosesan makanan, logistik rantaian sejuk, teknologi pertanian, agropelancongan, eksport dan penjenamaan, sekali gus menukar hasil mentah kepada produk bernilai tinggi,” katanya.



TINJAU: Callee (kiri) semasa meninjau produk yang dipamerkan pada MAHA 2026.

Lelaki ugut isteri dengan parang gara-gara menuntut cerai

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Hasrat seorang wanita untuk bercerai dipercayai menjadi punca dia diugut suaminya menggunakan parang di kawasan pusat pemeriksaan Kilometer 52, di sini, Jumaat lalu.

Mangsa, warga asing berusia 30-an, turut bergelut dengan suspek dalam cubaan meram-

pas parang berkenaan sebelum membuat laporan polis.

Pemangku Ketua Polis Daerah Tawau, Superintenden Wylnton Enchana Watt, berkata ketika kejadian pasangan berkenaan dalam perjalanan dari Tawau menuju ke Semporna dengan menaiki sebuah kereta.

“Suspek memberhentikan kenderaan di lokasi kejadian

sebelum keluar dan mengambil sebilah parang pendek dari bahagian belakang kereta.

“Lelaki itu kemudian mengacukan parang ke arah mangsa yang berada di dalam kenderaan sambil mengeluarkan kata-kata ugutan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati kejadian dipercayai berpunca daripada

hasrat mangsa untuk bercerai dengan suspek.

Beliau berkata, suspek, warga tempatan yang berusia 40-an, berjaya dikesan di sekitar bandar Tawau sebelum ditahan kira-kira jam 2 pagi pada Ahad.

“Polis turut merampas sebuah kereta berserta anak kuncinya bagi membantu siasatan.

“Suspek ditahan dan kes disiasat mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan,” katanya.

Wylnton menegaskan polis akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu yang melakukan ugutan jenayah selain memastikan keselamatan mangsa sentiasa diberi perhatian.

Penganjuran sambutan Hari Malaysia di BCKK sedia persekitaran selamat kepada hadirin

KUALA LUMPUR: Keputusan menganjurkan sambutan Hari Malaysia di dalam bangunan Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK) Sarawak pada 16 September bertujuan menyediakan persekitaran selamat susulan jerebu ketika ini.

Penolong Pengarah Bahagian Media Siber, Jabatan Penerangan (JAPEN) Yumna Baharuddin berkata keputusan itu juga bagi menyediakan persekitaran yang terkawal subuhnya kepada semua hadirin dalam

situasi jerebu yang melanda beberapa kawasan di Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Selain itu, beliau berkata pemilihan Sarawak sebagai tuan rumah pada tahun ini selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 2020 untuk melaksanakan sistem penggiliran antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia.

“Sistem penggiliran ini memastikan setiap rakyat Malaysia, tanpa mengira lokasi geografi, dapat ber-

sama-sama merasai semangat dan nilai sejarah Hari Malaysia secara langsung.

“Susulan penganjuran oleh Pulau Pinang pada 2025, sambutan kembali dibawa ke Sarawak yang membuktikan komitmen tidak berbelah bagi Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuh integrasi nasional merentasi semua wilayah,” katanya dalam temu bual eksklusif di TRAXX FM semalam.

Selain itu, Yumna berkongsi kepentingan tarikh sambutan Hari Malaysia.

“Jika 31 Ogos memperingati kemerdekaan pada 1957, 16 September pula menandakan penyatuan bersejarah pada 1963 yang menggabungkan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, dan Singapura menjadi sebuah persekutuan yang berdaulat,” katanya.

Sambutan tahun ini mengekalkan tema Hari Kebangsaan “Malaysia MADANI: Kesejahteraan Dinikmati”, yang digandingkan dengan slogan perpaduan Sarawak “Segulai Sejalai” (Seiring Sejalan).

Acara di BCKK akan menampilkan pelbagai persembahan simbolik dan kebudayaan termasuk segmen alu-aluan antara etnik yang menggabungkan persembahan silat, hadrah,gendang pampat dan tarian singa.

Acara menarik lain termasuk upacara memotong pulut kuning dan persembahan artis dari tiga wilayah yang menampilkan penyanyi terkenal tanah air seperti Dayang Nurfaizah, Faizal Tahir dan Stacy. — Bernama